

ADVANCE SYNERGY BERHAD



LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT *2001*

Misi dan Wawasan Korporat

Corporate Vision and Mission

Wawasan Kita

Untuk menjadi syarikat global yang utama.

Misi Kita

Untuk mencapai kejayaan sebagai sebuah syarikat global yang mempunyai tanggungjawab sosial dan yang cemerlang dalam setiap usaha.

Strategi Kita

Kita mencari rakan kongsi dan sekutu yang sinergistik untuk mencapai misi kita.

Kita Pastikan

- Kecemerlangan keusahawanan dalam semua usaha kita.
- Pertumbuhan berlanjutan dengan mengenalpasti dan mengisi keperluan pengguna.
- Perkongsian yang produktif dengan rakan perniagaan, pembekal, pekerja dan kerajaan.
- Adil dalam semua urusan perniagaan dengan rakan kongsi, pelanggan dan pembekal.

Nilai-nilai Kita

- **Kepada Pemegang Stok**
Kita memastikan pulangan yang wajar supaya pemegang stok menghargai pelaburan mereka.
- **Kepada Pelanggan**
Kita menghargai pelanggan kita dengan membekalkan mereka produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi pada harga yang berdayasaing.
- **Kepada Pekerja**
Kita mengambil berat tentang pekerja kita dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selesa, membimbing mereka untuk mencapai potensi mereka yang sepenuhnya dan mengiktiraf sumbangan mereka.
- **Kepada Masyarakat**
Kita memenuhi tanggungjawab sosial kita dan menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial di setiap masyarakat tempat kita beroperasi.

Our Vision

To be a premier global corporation.

Our Mission

To attain success as a socially responsible global corporation which excel in every undertaking.

Our Strategy

We seek synergistic partnerships and alliances to achieve our mission.

We Ensure

- Entrepreneurship excellence in all our pursuits.
- Sustainable growth through identification and satisfaction of customers' needs.
- Productive partnerships with business associates, suppliers, employees and governments.
- Fairness in all business dealings with partners, customers and suppliers.

Our Values

- **To Our Stockholders**
We ensure a fair return so that our stockholders will value their investment.
- **To Our Customers**
We value our customers by providing them with high quality products and services at competitive prices.
- **To Our Employees**
We care for our people by creating a conducive work environment, nurturing them to their fullest potential and recognising their contribution.
- **To Our Community**
We honour our social obligations and contribute to the economic and social wellbeing of every community in which we operate.



Rasional Logo Logo Rationale

Logo ini, yang berbentuk bulat, mengandungi simbol-simbol yang mewakili api, air dan elemen-elemen bumi yang berinteraksi secara konstan. Interaksi elemen-elemen ini menjana tenaga yang mengalir bebas. Tenaga ini menghasilkan POKOK, simbol bagi semua hidupan di bumi. Kedudukan POKOK ini, di tengah logo, mewakili fokus matlamat syarikat, iaitu penciptaan kekayaan yang memberi manfaat kepada para pemegang saham dan masyarakat keseluruhannya. Secara holistik, logo ini melambangkan tenaga sinergistik yang sedang bergerak.

This logo, circular in shape, comprises of symbols which represent the fire, water, and earth elements in constant interaction. The interaction of these elements releases free flowing energy which produces the TREE, a symbol of all life on earth. Situated at the centre of the logo, the TREE represents the focus of the company goal which is the creation of wealth benefiting shareholders and society at large. The logo holistically, symbolises synergistic energy in motion.

Kandungan Contents

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Notice of Annual General Meeting	2 3
Penyata Bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting	4 5
Para Pengarah dan Maklumat Korporat Directors and Corporate Information	6-10 6-10
Maklumat Pengurusan Management Information	11 11
Struktur Korporat Kumpulan Group Corporate Structure	12-13 12-13
Penyata Mengenai Urus Tadbir Korporat Statement on Corporate Governance	14-17 18-21
Maklumat Pematuhan Tambahan Additional Compliance Information	17 21
Laporan Jawatankuasa Audit Audit Committee Report	22-24 25-27
Catatan Pengerusi Chairman's Statement	28-40 28-40
Penyata Kewangan Financial Statements	41 113
● Laporan Para Pengarah Directors' Report	42-46 114-118
● Penyata Pendapatan Income Statements	47 119
● Kunci Kira-kira Balance Sheets	48-49 120-121
● Penyata Perubahan dalam Ekuiti Statement of Changes in Equity	50-51 122-123
● Penyata Aliran Tunai Cash Flow Statements	52-54 124-126
● Nota-nota kepada Penyata Kewangan Notes to the Financial Statements	55-109 127-181
● Kenyataan Para Pengarah Statement by Directors	110 182
● Akuan Berkanun Statutory Declaration	110 182
● Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli Advance Synergy Berhad Report of The Auditor to the Members of Advance Synergy Berhad	111 183
● Statistik Pemegangan Stok Statistics on Stockholdings	184-186 184-186
● Penyata Kepentingan Para Pengarah Statements on Directors' Interests	186 186
● Statistik Pemegangan Waran Statistics on Warrantholdings	187-189 187-189
● Senarai Harta Tanah List of Properties	190-192 190-192
● Borang Proksi Proxy Form	Dilampirkan Enclosed

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN Ketujuh Puluh Lapan Syarikat** akan diadakan di Dewan Berjaya, Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Jalan Bukit Kiara Off Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 29 Jun 2002 jam 10.30 pagi untuk menjalankan urusan-urusan berikut:-

1. Untuk menerima dan meluluskan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 dan laporan para pengarah dan juruaudit. **Resolusi 1**
2. Untuk meluluskan fi para pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2001. **Resolusi 2**
3. Untuk melantik semula pengarah-pengarah yang berikut:-
 - 3.1 Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil **Resolusi 3**
 - 3.2 Aznan Bin Haji Ismail **Resolusi 4**
 - 3.3 Chim Wai Khuan **Resolusi 5**
4. Untuk melantik juruaudit dan memberi kuasa kepada para pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 6**
5. Sebagai urusan khas, menimbang dan, jika didapati wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-
"BAHAWA sentiasa tertakluk kepada kelulusan autoriti-autoriti yang relevan, para pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa, selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat 1965, menerbitkan saham-saham Syarikat yang baru, dari masa ke semasa dan menurut terma-terma dan syarat-syarat tertentu dan bagi tujuan tertentu menurut pertimbangan mutlak para pengarah seperti yang mereka fikirkan sesuai asalkan bilangan agregat saham yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini tidak melebihi 10% daripada modal terbitan Syarikat yang semasa dan lanjutan dari perumpukan saham-saham tersebut untuk menukarnya ke unit-unit stok baru yang bernilai RM1.00 setiap satu DAN kuasa tersebut akan ada sehingga berakhir Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."
Resolusi 7
6. Untuk menjalankan sebarang urusan biasa lain yang notis mengenainya telah diberikan.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

SNG NGIAP KOON

Setiausaha

Kuala Lumpur

6 Jun 2002

Nota:-

- (1) Seorang ahli Syarikat yang layak untuk menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat agung layak untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
- (2) Instrumen pelantikan proksi bagi individu hendaklah ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya yang telah diberi kuasa dan bagi syarikat, instrumen pelantikan proksi mestilah dengan menggunakan meterai syarikat atau ditandatangani oleh seorang pegawai atau peguam yang telah diberi kuasa.
- (3) Instrumen pelantikan proksi mesti dihantar ke Pejabat Berdaftar Syarikat di Paras 3A (Tower Block) Menara Milenium, No. 8 Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau sebarang penangguhannya.

NOTA PENJELASAN BAGI URUSAN KHAS

- Resolusi selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965:-
Resolusi Biasa selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada para pengarah, dari tarikh Mesyuarat Agung di atas sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, untuk memperumpuk dan menerbitkan unit-unit stok Syarikat baru yang jumlahnya tidak melebihi 10% daripada modal terbitan Syarikat yang semasa dan untuk tujuan tertentu yang para pengarah timbangkan untuk kepentingan Syarikat. Ini akan mengelakkan sebarang kelewatan dan kos yang bersangkutan untuk mengadakan sebuah mesyuarat am yang bertujuan meluluskan penerbitan unit-unit stok baru tersebut. Pemberian kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipinda di mesyuarat am, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

(Borang proksi dilampirkan bersama-sama laporan dan penyata kewangan ini.)

Notice Of Annual General Meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the **Seventy-Eighth ANNUAL GENERAL MEETING** of the Company will be held at Dewan Berjaya, Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Jalan Bukit Kiara Off Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur on Saturday, 29 June 2002 at 10.30 a.m. for the following purposes:-

1. To receive and adopt the audited financial statements for the year ended 31 December 2001 and the directors' and auditors' reports thereon. **Resolution 1**
2. To approve directors' fees for the year ended 31 December 2001. **Resolution 2**
3. To re-elect the following Directors:-
 - 3.1 Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil **Resolution 3**
 - 3.2 Aznan Bin Haji Ismail **Resolution 4**
 - 3.3 Chim Wai Khuan **Resolution 5**
4. To appoint auditors and to authorise the directors to fix their remuneration. **Resolution 6**
5. As special business, to consider and, if thought fit, pass the following Ordinary Resolution:-

Resolution 7

"THAT subject always to the approvals of the relevant authorities, the directors be and are hereby authorised, pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965 to issue new shares in the Company, from time to time and upon such terms and conditions and for such purposes as the directors may, in their absolute discretion deem fit, provided that the aggregate number of shares issued pursuant to this resolution does not exceed 10% of the issued capital of the Company for the time being and upon allotment of such shares to convert the same into new stock units of RM1.00 each AND THAT such authority shall continue in force until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company."
6. To transact any other ordinary business of which due notice shall have been given.

BY ORDER OF THE BOARD

SNG NGIAP KOON

Secretary

Kuala Lumpur
6 June 2002

Notes:-

- (1) A member of the Company entitled to attend and vote at the general meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his/her stead. A proxy need not be a member of the Company.
- (2) The instrument appointing a proxy in the case of an individual shall be signed by the appointer or his/her attorney duly authorised and in the case of a corporation, the instrument appointing a proxy must be under its common seal or under the hand of an officer or attorney duly authorised.
- (3) The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company at Level 3A (Tower Block) Menara Milenium, No. 8 Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time appointed for holding the meeting or any other adjournment thereof.

EXPLANATORY NOTE ON SPECIAL BUSINESS

– Resolution pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965:-

The Ordinary Resolution pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965, if passed, will empower the directors, from the date of the above General Meeting until the next Annual General Meeting to allot and issue new stock units in the Company up to an amount not exceeding in total 10% of the issued capital of the Company for the time being and for such purposes as the directors consider would be in the interest of the Company. This would avoid any delay and cost involved in convening a general meeting to specifically approve such an issue of new stock units. This authority, unless revoked or varied at a general meeting will expire at the next Annual General Meeting of the Company.

(A proxy form is attached with this report and financial statements.)

Penyata Bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Puluh Lapan Advance Synergy Berhad

Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil
Aznan Bin Haji Ismail
Chim Wai Khuan

Butir kehadiran Para Pengarah pada Mesyuarat Lembaga Pengarah

Empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001. Butir-butir kehadiran Para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri
Dato' Ahmad Sebi Bakar	4
Aznan Bin Haji Ismail	2
Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil	4
Wong Ah Nam @ Wong Joon Tuang	4
Datin Masri Khaw Binti Abdullah	4
Sng Chong Khian *	1
Chim Wai Khuan **	-

* Meletak jawatan pada 20 November 2001

** Dilantik pada 12 Disember 2001

Tarikh, masa dan tempat Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah

Tarikh	Masa	Tempat
2 April 2001	10.00 pagi	Tingkat 16, Unit 8, Blok B Megan Phileo Avenue 12 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur
11 Mei 2001	3.00 petang	Tingkat 29 Menara Shahzan Insas 30 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
25 Mei 2001	10.00 pagi	Tingkat 29 Menara Shahzan Insas 30 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
14 Jun 2001	11.00 pagi	Tingkat 29 Menara Shahzan Insas 30 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

Butir Pengarah-pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula

Pegangan sekuriti Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula di dalam Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya dipaparkan dalam Penyata Kepentingan Para Pengarah di mukasurat 186 Laporan Tahunan ini dan butir lain tentang Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dipaparkan dalam profail Para Pengarah di mukasurat 7 hingga 10 Laporan Tahunan ini.

Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting

Directors standing for re-election at the Seventy-Eighth Annual General Meeting of Advance Synergy Berhad

Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil
Aznan Bin Haji Ismail
Chim Wai Khuan

Details of attendance of Directors at Board Meetings

Four (4) Board Meetings were held during the financial year ended 31 December 2001. Details of attendance of Directors at the Board Meetings are as follows:-

Name of Directors	No. of Meetings Attended
Dato' Ahmad Sebi Bakar	4
Aznan Bin Haji Ismail	2
Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil	4
Wong Ah Nam @ Wong Joon Tuang	4
Datin Masri Khaw Binti Abdullah	4
Sng Chong Khian *	1
Chim Wai Khuan **	-

* Resigned on 20 November 2001
** Appointed on 12 December 2001

Date, time and place of the Board Meetings

Date	Time	Place
2 April 2001	10.00 a.m.	16th Floor, Unit 8, Block B Megan Phileo Avenue 12 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur
11 May 2001	3.00 p.m.	Level 29 Menara Shahzan Insas 30 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
25 May 2001	10.00 a.m.	Level 29 Menara Shahzan Insas 30 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
14 June 2001	11.00 a.m.	Level 29 Menara Shahzan Insas 30 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

Details of Directors who are standing for re-election

The securities holdings of the Directors standing for re-election in the Company and its subsidiaries are disclosed in the Statement on Directors' Interests on page 186 of this Annual Report and other details of Directors standing for re-election are disclosed in Directors' profile on page 7 to 10 of this Annual Report.

Ahli Lembaga Pengarah & Maklumat Korporat

Board of Directors & Corporate Information



Dato' Ahmad Sebi Bakar
(Pengerusi Eksekutif)
Executive Chairman



Dato' Nik Ibrahim Kamil bin Tan
Sri Nik Ahmad Kamil
(Pengarah Bukan
Eksekutif Bebas)
*Independent
Non-Executive Director*



Aznan bin Haji Ismail
(Pengarah Bukan
Eksekutif Bebas)
*Independent
Non-Executive Director*



Wong Ah Nam
@ Wong Joon Tuang
(Pengarah Bukan
Eksekutif Bebas)
*Independent
Non-Executive Director*



Datin Masri Khaw
binti Abdullah
(Pengarah Bukan
Eksekutif Bukan Bebas)
*Non-Independent
Non-Executive Director*



Chim Wai Khuan
(Pengarah Bukan
Eksekutif Bebas)
*Independent
Non-Executive Director*

LEMBAGA PENGARAH / BOARD OF DIRECTORS

Dato' Ahmad Sebi Bakar
Pengerusi Eksekutif / *Executive Chairman*
Aznan bin Haji Ismail
Dato' Nik Ibrahim Kamil bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil
Wong Ah Nam @ Wong Joon Tuang
Datin Masri Khaw binti Abdullah
Chim Wai Khuan

SETIAUSAHA / SECRETARY

Sng Ngiap Koon

JURUAUDIT / AUDITORS

BDO Binder
Akauntan Awam / *Public Accountants*
15th Floor, Wisma Hamzah Kwong Hing
No. 1, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2072 2755 Fax: 03 - 2078 7045

PENDAFTAR / REGISTRARS

Sectrars Services Sdn. Bhd.
No. 28-2, Jalan Tun Sambanthan 3
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03 - 2274 6133 Fax: 03 - 2274 1016

PEJABAT BERDAFTAR / REGISTERED OFFICE

Level 3A (Tower Block) Menara Milenium
No. 8, Jalan Damanlela, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2094 8828 Fax: 03 - 2094 8848

JURUBANK UTAMA / PRINCIPAL BANKERS

Southern Bank Berhad
Affin Bank Berhad

PEGUAMCARA / SOLICITORS

Shearn Delamore & Co.
Jin & Co.

Para Pengarah

DATO' AHMAD SEBI BAKAR, 55, seorang warganegara Malaysia, adalah seorang Pengarah Bukan Bebas dan Pengerusi Eksekutif Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga pada 9 April 1991. Dato' Ahmad Sebi Bakar memegang ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Diploma Kewartawanan dari Thomson Foundation, United Kingdom dan ijazah Sarjana Sastera dari Michigan State University, Amerika Syarikat. Beliau adalah Pengarang akhbar Malay Mail untuk Kumpulan New Straits Times Press daripada tahun 1976 hingga 1982 dan selepas itu menjadi Pengarang Kumpulan untuk Berita Harian daripada tahun 1983 hingga 1986. Daripada tahun 1986 hingga 1989, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Sistem Televisyen Malaysia Bhd dan pengarah Kumpulan New Straits Times Press daripada tahun 1988 hingga 1989.

Kini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat awam yang disenaraikan iaitu, sebagai Pengerusi United Merchant Group Berhad dan Pengerusi Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Kumpulan Powernet Berhad. Beliau juga ialah pengarah Alangka-Suka Hotels & Resorts Berhad, sebuah syarikat awam yang tidak disenaraikan yang merupakan subsidiari Advance Synergy Berhad. Beliau juga bergiat aktif dalam kerja-kerja sosial dan kebajikan dan merupakan Pengerusi beberapa pertubuhan bukan perniagaan, iaitu, Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia (YATIM) yang dibiayai secara persendirian, Akademi Penulis Malaysia dan pada masa yang lepas Barisan Bertindak Bosnia, Malaysia. Beliau juga adalah Presiden Persatuan Penulis Nasional (PENAS).

Dato' Ahmad Sebi Bakar tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang stok utama Advance Synergy Berhad, mahupun mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Advance Synergy Berhad, kecuali beliau juga adalah seorang pemegang stok utama Advance Synergy Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

AZMAN BIN HAJI ISMAIL, 55, seorang warganegara Malaysia, ialah seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 25 Mei 1988. Beliau mendapat pendidikan di Maktab Tentera Diraja di Sungei Besi dan adalah seorang Ahli Sekutu Institute of Bankers, Malaysia. Beliau menjadi Pengarah Kampung Lanjut Tin Dredging Berhad dan Sim Lim Holding daripada tahun 1988 hinggalah awal tahun 1991. Beliau pernah terlibat dalam perniagaan sendiri daripada tahun 1986 hingga 1988. Beliau pernah bertindak sebagai Penyelaras untuk Projek Tebusguna Tanah dengan Jabatan perdana Menteri pada tahun 1982. Daripada tahun 1971 hingga 1973, beliau ialah Pengurus Projek Lembaga Pembangunan Tanah Sandakan dan sebelum itu ialah seorang Timbalan pengurus di Bank Rakyat Malaysia Berhad, jawatan yang dipegang oleh beliau daripada tahun 1970 hingga 1971. Beliau juga ialah seorang sub-akauntan Jabatan Bil dan Matawang Asing di Southern Bank Berhad daripada tahun 1965 hingga 1970.

Directors

DATO' AHMAD SEBI BAKAR, 55, a Malaysian, is a Non-Independent Director and the Executive Chairman of Advance Synergy Berhad. He was appointed to the Board on 9 April 1991. Dato' Ahmad Sebi Bakar holds a Bachelor of Arts (Hons) degree from the University of Malaya, Kuala Lumpur, a Diploma in Journalism from the Thomson Foundation, United Kingdom and a Masters of Arts from Michigan State University, United States of America. He was the Editor of the Malay Mail for the New Straits Times Press Group from 1976 to 1982 and subsequently the Group Editor of Berita Harian from 1983 to 1986. From 1986 to 1989, he was appointed the Managing Director of Sistem Televisyen Malaysia Bhd and a director of the New Straits Times Press Group from 1988 to 1989.

Presently, he sits on the Boards of public listed companies namely, United Merchant Group Berhad, as the Chairman and as Executive Chairman and Managing Director of Kumpulan Powernet Berhad. He is also a director of Alangka-Suka Hotels & Resorts Berhad, a non-listed public company which is a subsidiary of Advance Synergy Berhad. He is also actively involved in social and charitable work and is the Chairman of several non-profit organisations, namely, the privately funded Orphanage Foundation of Malaysia (YATIM), the Writers Academy Malaysia and in the past Bosnia Action Front, Malaysia. He is also the President of the Malaysian National Writers Association (PENAS).

Dato' Ahmad Sebi Bakar does not have any family relationship with any director and/or major stockholder of Advance Synergy Berhad, nor he has any conflict of interest with Advance Synergy Berhad, except that he is also the substantial stockholder of Advance Synergy Berhad. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

AZMAN BIN HAJI ISMAIL, 55, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Advance Synergy Berhad. He was appointed to the Board on 25 May 1988. He was educated at the Royal Military College in Sungei Besi and is an Associate of the Institute of Bankers, Malaysia. He was a Director of Kampung Lanjut Tin Dredging Berhad and Sim Lim Holding from 1988 to early 1991. Encik Aznan Bin Haji Ismail was involved in his private trading business from 1986 to 1988. He was the Coordinator for the Land Rehabilitation Project in the Prime Minister's Department in 1982. From 1971 to 1973, he was the Project Manager of Sandakan Land Development Authority and prior to that he was a Deputy Manager at Bank Rakyat Malaysia Berhad, a position he held from 1970 to 1971. He was also the Sub-Accountant of Foreign Currency and Bills Department at Southern Bank Berhad from 1965 to 1970.

Encik Aznan Bin Haji Ismail is the Chairman of the Remuneration Committee of Advance Synergy Berhad.

Para Pengarah

AZNAN BIN HAJI ISMAIL (sambungan)

Encik Aznan Bin Haji Ismail adalah Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan Advance Synergy Berhad.

Encik Aznan Bin Haji Ismail tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang stok utama Advance Synergy Berhad, mahupun mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Advance Synergy Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

DATO' NIK IBRAHIM KAMIL BIN TAN SRI NIK AHMAD KAMIL

60, seorang warganegara Malaysia, ialah seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 10 Januari 1994. Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan) beliau daripada University of Georgetown, Washington D.C., Amerika Syarikat pada tahun 1966. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman pengurusan dan perniagaan merangkumi bidang perlombongan, petroleum, media, perkilangan, perbankan saudagar dan kewangan, pembrokeran saham, pengurusan pelabuhan, perniagaan serta pengurusan tempat peranginan golf. Beliau memulakan karier beliau sebagai penolong Setiausaha Syarikat dengan Associated Mines Sdn. Bhd. sebelum menyertai Shell Malaysia Sdn Bhd pada tahun 1967 sebagai Ketua Pembangunan Pasaran untuk Malaysia Barat, Malaysia Timur dan Brunei. Pada tahun 1971, beliau menyertai New Straits Times Press (M) Berhad ("NSTP") sebagai Penolong Pengurus Besar dan kekal dengan Syarikat tersebut sehingga tahun 1991 di mana jawatan terakhir yang dipegang beliau ialah sebagai Pengarah Urusan Kumpulan NSTP.

Pada masa ini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat awam yang disenaraikan, iaitu, Camerlin Group Berhad dan Octagon Consolidated Berhad, kedua-duanya sebagai pengarah, dan sebagai Pengerusi Eksekutif Fututech Berhad. Beliau juga adalah Pengerusi Southern Investment Bank Berhad dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Palm Resort Berhad, yang mana kedua-duanya ialah syarikat awam.

Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil adalah Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan seorang ahli Jawatankuasa Audit Advance Synergy Berhad.

Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang stok utama Advance Synergy Berhad, mahupun mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Advance Synergy Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

Directors

AZNAN BIN HAJI ISMAIL (continued)

He does not have any family relationship with any director and/or major stockholder of Advance Synergy Berhad, nor he has any conflict of interest with Advance Synergy Berhad. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

DATO' NIK IBRAHIM KAMIL BIN TAN SRI NIK AHMAD KAMIL,

60, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Advance Synergy Berhad. He was appointed to the Board on 10 January 1994. Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil obtained his Bachelor of Science (Economics and Business Administration) degree from University of Georgetown, Washington D.C., United States of America in 1966. He has more than 30 years of managerial and business experience ranging from mining, petroleum, media, manufacturing, merchant banking and finance, stockbroking, port management, trading to golf resort development. He started his career in 1966 as Assistant Company Secretary with Associated Mines Sdn Bhd before joining Shell Malaysia Sdn Bhd in 1967 as Head of Market Development for West Malaysia, East Malaysia and Brunei. In 1971, he joined The New Straits Times Press (M) Berhad ("NSTP") as Assistant General Manager and was with the company until 1991 where his last position held was as the Managing Director of NSTP Group.

Currently, he also sits on the Boards of several public listed companies, namely, Camerlin Group Berhad and Octagon Consolidated Berhad, both as director and as Executive Chairman of Fututech Berhad. He is also the Chairman of Southern Investment Bank Berhad and Executive Vice Chairman of Palm Resort Berhad, which both are public companies.

Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil is the Chairman of the Nomination Committee and a member of the Audit Committee of Advance Synergy Berhad.

He does not have any family relationship with any director and/or major stockholder of Advance Synergy Berhad, nor he has any conflict of interest with Advance Synergy Berhad. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Para Pengarah

WONG AH NAM @ WONG JOON TUANG, 56, seorang warga-negara Malaysia, ialah seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 10 Januari 1994. Encik Wong Joon Tuang memperolehi ijazah Sarjana Muda sains beliau daripada Universiti Malaya. Beliau pernah menjadi seorang Perunding Perniagaan dengan Hak Niaga Sdn Bhd dan telah berkecimpung di dalam profesyen tersebut sejak 1985. Beliau berkhidmat sebagai seorang Pengarah Pemasaran dengan EMC (M) Sdn Bhd daripada tahun 1980 hingga 1984 dan Pengurus Kawasan General Electric Co. (M) Sdn Bhd daripada tahun 1976 hingga 1980. Beliau berkhidmat dengan Matsushita Sales & Services Sdn Bhd sebagai Pengurus Produk daripada tahun 1974 hingga 1975. Sebelum tahun 1974, beliau memegang jawatan sebagai Eksekutif Pemasaran Matsushita Elektrik Co (M) Bhd dan pernah bekerja dengan Ames Laboratory (Australia) Pte Ltd.

Encik Wong Joon Tuang ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan seorang ahli Jawatankuasa Pencalonan Advance Synergy Berhad.

Encik Wong Joon Tuang tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang stok utama Advance Synergy Berhad, mahupun mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Advance Synergy Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

DATIN MASRI KHAW BINTI ABDULLAH, 49, seorang warga-negara Malaysia, adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 6 Januari 1995. Datin Masri Khaw Binti Abdullah adalah salah seorang daripada orang Asia pertama yang tamat mengikuti Program Pengurus Besar di Holiday Inn University di Memphis, USA pada tahun 1976. Pada tahun 1982 beliau tamat mengikuti satu kursus musim panas berkenaan Pembangunan & Reka Bentuk Hotel di Cornell University, USA dan telah menjalani latihan Hotel di Singapura dan Kanada. Beliau telah dihidiahkan anugerah Pegawai Pemasaran Terbaik Tahunan untuk Holiday Inn Hotels Asia Pacific pada tahun 1985. Datin Masri Khaw Binti Abdullah memainkan peranan penting bila Antara Holiday Villa memenangi anugerah khas untuk Pengurusan Berkualiti dalam Anugerah Kecemerlangan Industri 1997 yang dikelolakan oleh Kementerian Perusahaan dan Perdagangan Antarabangsa. Beliau menerima anugerah berprestij tersebut daripada Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 18 Disember 1997. Pengalaman beliau dalam industri perhotelan menjangkau balik ke tahun 1969 dan beliau telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan hotel baru. Beliau memulakan rangkaian hotel Holiday Villa pada tahun 1987 dengan pembukaan Holiday Villa Cherating.

Pada masa ini, beliau adalah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Antara Holiday Villas Sdn Bhd dan Holiday Villas International Limited, subsidiari-subsidiari Advance Synergy Berhad.

Directors

WONG AH NAM @ WONG JOON TUANG, 56, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Advance Synergy Berhad. He was appointed to the Board on 10 January 1994. Mr Wong Joon Tuang obtained his Bachelor in Science degree from University Malaya. He was a Business Consultant with Hak Niaga Sdn Bhd and has been in the profession since 1985. He was the Marketing Director of EMC (M) Sdn Bhd from 1980 to 1984 and Area Manager of General Electric Co. (M) Sdn Bhd from 1976 to 1980. He was with Matsushita Sales & Services Sdn Bhd as Product Manager from 1974 to 1975. Prior to 1974, he held the position of Marketing Executive of Matsushita Elektrik Co (M) Bhd and had worked for Ames Laboratory (Australia) Pte Ltd.

Mr Wong Joon Tuang is the Chairman of the Audit Committee and a member of Nomination Committee of Advance Synergy Berhad.

He does not have any family relationship with any director and/or major stockholder of Advance Synergy Berhad, nor he has any conflict of interest with Advance Synergy Berhad. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

DATIN MASRI KHAW BINTI ABDULLAH, 49, a Malaysian, is a Non-Independent Non-Executive Director of Advance Synergy Berhad. She was appointed to the Board on 6 January 1995. Datin Masri Khaw Binti Abdullah was one of the first Asians to complete the General Manager's Programme at the Holiday Inn University in Memphis, USA in 1976. In 1982 she completed a summer course on Hotel Development & Design at Cornell University, USA and had undergone Hotel training in Singapore and Canada. She was awarded the Best Marketing Person of the Year for Holiday Inn Hotels Asia Pacific in 1985. Datin Masri Khaw Binti Abdullah played a key role when Antara Holiday Villa won a special award for Quality Management in the Industry Excellence Award 1997 organised by the Ministry of International Trade and Industry. She received the prestigious award from the Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad on 18 December 1997. Her experience in the hotel industry dates back to 1969 and she has since contributed significantly to the development of new hotels. She initiated the Holiday Villa chain in 1987 with the opening of Holiday Villa Cherating.

She is presently the Executive Director and Chief Executive Officer of Antara Holiday Villas Sdn Bhd and Holiday Villas International Limited, subsidiaries of Advance Synergy Berhad.

Datin Masri Khaw Binti Abdullah is a member of the Remuneration Committee of Advance Synergy Berhad.

Para Pengarah

DATIN MASRI KHAW BINTI ABDULLAH (sambungan)

Datin Masri Khaw Binti Abdullah adalah seorang ahli Jawatankuasa Imbuhan Advance Synergy Berhad.

Datin Masri Khaw Binti Abdullah tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang stok utama Advance Synergy Berhad, mahupun mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Advance Synergy Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

CHIM WAI KHUAN, 51, seorang warganegara Malaysia, ialah seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Advance Synergy Berhad. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 12 Disember 2001. Encik Chim Wai Khuan adalah seorang ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau berpengalaman luas dalam bidang audit, percukaian dan perkhidmatan perundingan pengurusan semasa beliau bersama beberapa firma perakaunan di Malaysia dan United Kingdom daripada tahun 1974 hingga 1985. Beliau mula menjalankan amalan sendiri di bawah nama Chim & Co. daripada tahun 1985 hingga 2000. Pada masa ini, beliau beramal sebagai seorang Perunding Korporat dan Pengurusan.

Beliau juga ialah pengarah bukan eksekutif bebas United Merchant Group Berhad, Ganad Corporation Berhad dan United U-Li Corporation Berhad.

Encik Chim Wai Khuan adalah seorang ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan Advance Synergy Berhad.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang stok utama Advance Synergy Berhad, mahupun mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Advance Synergy Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

Directors

DATIN MASRI KHAW BINTI ABDULLAH (sambungan)

She does not have any family relationship with any director and/or major stockholder of Advance Synergy Berhad, nor she has any conflict of interest with Advance Synergy Berhad. She has had no convictions for any offences within the past 10 years.

CHIM WAI KHUAN, 51, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Advance Synergy Berhad. He was appointed to the Board on 12 December 2001. Mr Chim Wai Khuan is a member of the Malaysian Institute of Accountants. He has vast experience in auditing, taxation and management consultancy services while he was attached to several accounting firms in Malaysia and the United Kingdom from 1974 to 1985. He started his own practice under the name Chim & Co. from 1985 to 2000. Currently, he practises as a Corporate and Management Consultant.

He is also an independent non-executive director of United Merchant Group Berhad, Ganad Corporation Berhad and United U-Li Corporation Berhad.

Mr Chim Wai Khuan is a member of the Audit Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee of Advance Synergy Berhad.

He does not have any family relationship with any director and/or major stockholder of Advance Synergy Berhad, nor he has any conflict of interest with Advance Synergy Berhad. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Maklumat Pengurusan / Management Information **ADVANCE SYNERGY BERHAD GROUP**

PEJABAT KORPORAT / CORPORATE OFFICE

Dato' Ahmad Sebi Bakar
Pengerusi Eksekutif / Executive Chairman

Sng Ngiap Koon
Pengurus Besar Kanan Kumpulan / Senior Group General Manager

Lee Su Nie
Pengurus Besar Kumpulan / Group General Manager
Operasi / Operations

Chin Kah Kit
Pengurus / Manager
Kewangan dan Pentadbiran / Finance and Administration

Tan Mee Lian
Pengurus / Manager
Kesetiausahaan / Secretarial

Kong Kok Chin
Pengurus / Manager
Sumber Tenaga Manusia Kumpulan / Group Human Resources

KETUA-KETUA BAHAGIAN KUMPULAN UTAMA / HEADS OF KEY GROUP DIVISIONS

KEWANGAN DAN PENGANGKUTAN /
FINANCIAL SERVICES AND TRANSPORTATION

United Merchant Group Berhad
Wong Joon Hian
Pengarah Urusan / Managing Director

PERKILANGAN / MANUFACTURING

Jarrett Synergy Pty Ltd
(Incorporated in Australia)
Anton Syazi bin Dato' Ahmad Sebi
Pengarah Eksekutif / Executive Director

HOTEL DAN PUSAT PERANGINAN /
HOTELS AND RESORTS

Alangka-Suka Hotels & Resorts Berhad
Datin Masri Khaw bt. Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

PERKHIDMATAN / SERVICES

e-go.com Sdn Bhd
Sirat bin Othman
Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

PERKHIDMATAN KAD DAN PEMBAYARAN /
CARD AND PAYMENT SERVICES

iSynergy Sdn Bhd
Ng King Kau
Pengarah Urusan / Managing Director

PEMBANGUNAN HARTANAH / PROPERTY DEVELOPMENT

Sadong Development Sdn Bhd
Liew Chaw Thai
Pengurus / Manager

Advance Synergy Realty Sdn Bhd
Jee Chun Fah
Pengurus Besar / General Manager

INSURANS AM / GENERAL INSURANCE


ACE Synergy Insurance Berhad
Lee Koon Yew
Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

PELANCONGAN / TRAVEL AND TOURS


Inter-Pacific Travel and Tours Sdn Bhd
Chan Kian Heoi
Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

Struktur Korporat Kumpulan pada 30 April 2002

ADVANCE SYNERGY BERHAD



Group Corporate Structure as at 30 April 2002



Penyata Mengenai Urus Tadbir Korporat

Lembaga Pengarah berpegang sepenuhnya dengan cadangan-cadangan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia ("Kod tersebut") dan komited dalam memastikan bahawa Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya ("Kumpulan") mengamalkan Urus Tadbir Korporat baik sebagai tonggak penting melaksanakan tanggungjawabnya untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pemegang saham jangka panjang dan prestasi kewangan Kumpulan.

Penyata pendedahan ini menerangkan cara di mana Kumpulan telah menggunakan Prinsip-Prinsip Kod tersebut dan tahap pematuhan dengan Amalan-Amalan Terbaik yang digariskan di dalamnya.

LEMBAGA PENGARAH

Arah dan kawalan Kumpulan terletak pada Lembaga Pengarah kerana ia secara efektif memegang tanggungjawab keseluruhan untuk urus tadbir korporat, arah strategik, perumusan dasar dan penyeliaan pelaburan dan operasi Kumpulan.

Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan jika perlu. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Butir-butir kehadiran setiap Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan adalah dinyatakan di dalam Penyata bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan di mukasurat 5 Laporan Tahunan ini.

Lembaga Pengarah telah mewujudkan tiga jawatankuasa tetap : satu Jawatankuasa Audit, satu Jawatankuasa Pencalonan dan satu Jawatankuasa Imbuan, yang mana butir-butirnya adalah dinyatakan di bawah. Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa isu-isu khusus dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah berserta dengan saranan mereka. Bagaimanapun, tanggungjawab mutlak untuk keputusan berkenaan semua perkara terletak pada Lembaga Pengarah.

KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah kini terdiri daripada seorang Pengerusi Eksekutif dan lima (5) Pengarah Bukan eksekutif, di mana empat (4) daripadanya adalah Pengarah bebas. Para Pengarah yang ada sekarang membawa pengalaman, kemahiran dan pengetahuan perniagaan dan kewangan yang luas, yang perlu untuk menerajui Kumpulan dengan berkesan. Profail Para Pengarah adalah dinyatakan di mukasurat 7 hingga 10 Laporan Tahunan ini.

Pengerusi Eksekutif dipertanggungjawabkan dengan tugas menjalankan perniagaan Kumpulan dan melaksanakan dasar-dasar dan strategi--strategi yang diterima oleh Lembaga Pengarah.

Kehadiran empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang mewakili dua pertiga (2/3) jumlah keseluruhan Para Pengarah memenuhi satu tugas yang penting dalam memastikan terdapat keseimbangan kuasa dan pengaruh. Bersama-sama, kehadiran mereka dalam Lembaga Pengarah mencerminkan dengan adil pelaburan pemegang saham minoriti Syarikat di samping mempunyai cukup pengaruh dalam membuat sesuatu keputusan.

BEKALAN MAKLUMAT

Setiap Pengarah mempunyai akses yang tidak terhad kepada pengurusan kanan, semua maklumat dalam Syarikat dan untuk mendapatkan nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Para Pengarah tidak kira sebagai lembaga penuh atau dalam kapasiti peribadi mereka, boleh dalam menjalankan tanggungjawab mereka, mendapatkan nasihat profesional bebas di atas perbelanjaan Syarikat, jika diperlukan.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, Agenda untuk setiap mesyuarat berserta laporan dan dokumen yang mengandungi maklumat yang relevan dengan perkara mesyuarat (termasuk maklumat berkenaan perkara-perkara kewangan, operasi dan korporat yang penting serta kegiatan dan prestasi Kumpulan dan minit-minit Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mesyuarat Lembaga Pengarah) diedarkan kepada ahli lembaga untuk memberikan mereka masa untuk membaca dan merenungkan isu-isu. Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah, pengurusan memberikan butir-butir yang lebih lanjut mengenai setiap isu yang ditimbulkan untuk perbincangan atau sebagai maklumat tambahan.

Penyata Mengenai Urus Tadbir Korporat (sambungan)

PELANTIKAN KE LEMBAGA PENGARAH

Dengan kewujudan Jawatankuasa Pencalonan, satu prosedur rasmi disediakan untuk pelantikan Pengarah-pengarah baru ke Lembaga Pengarah. Calon-calon pengarah akan dikenal pasti dan disyorkan kepada Lembaga Pengarah oleh Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Pencalonan adalah:-

- Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Pengerusi)
- Wong Ah Nam @ Wong Joon Tuang
- Chim Wai Khuan

Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab untuk membuat cadangan berkenaan sebarang pencalonan kepada Lembaga Pengarah dan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Dalam membuat cadangan ini, pertimbangan sewajarnya diberikan kepada gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dari pengarah yang dicadangkan harus bawa ke Lembaga Pengarah dan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkenaan.

Jawatankuasa Pencalonan juga akan menilai, setiap tahun, keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan, mengkaji setiap tahun gabungan kemahiran dan pengalaman dan sifat lain, termasuk kemampuan asas, yang diperlukan, yang Pengarah Bukan Eksekutif patut bawa ke Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan mesyuarat tambahan boleh dijadualkan jika difikirkan perlu oleh Pengerusi Jawatankuasa.

PEMILIHAN SEMULA

Menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat, satu pertiga (1/3) daripada Pengarah meletakkan jawatan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan tetapi layak untuk dipilih semula. Para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah semasa setiap tahun kewangan tertakluk kepada pemilihan semula oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama selepas pelantikan mereka. Tataurus Pertubuhan Syarikat akan dipinda untuk memperuntukan supaya semua Pengarah menamakan diri mereka untuk dipilih semula sekurang-kurangnya tiga tahun sekali.

IMBUHAN PENGARAH

Imbuan kesemua Pengarah ditentukan pada peringkat untuk memastikan Syarikat menarik dan mengekalkan Para Pengarah yang berkaliber yang diperlukan untuk mengendalikan Syarikat dengan berjaya. Jawatankuasa Imbuan menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, dasar imbuan Syarikat untuk Para Pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka diberi imbuan sewajarnya untuk sumbangan mereka kepada Kumpulan.

Penetapan imbuan Para Pengarah Bukan Eksekutif merupakan perkara yang diputuskan oleh keseluruhan Lembaga Pengarah.

Tiada Pengarah akan mengambil bahagian dalam keputusan berkenaan imbuhan sendiri.

Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, dimana dua (2) daripadanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Imbuan adalah:-

- Aznan Bin Haji Ismail (Pengerusi)
- Chim Wai Khuan
- Datin Masri Khaw Binti Abdullah

Penyata Mengenai Urus Tadbir Korporat (sambungan)

Jawatankuasa Imbuan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali dan mesyuarat tambahan boleh dijadualkan jika difikirkan perlu oleh Pengerusi Jawatankuasa.

Butir-butir jumlah imbuan untuk Para Pengarah Syarikat untuk tahun berakhir 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:

1. Jumlah imbuan untuk Para Pengarah dikategorikan ke dalam komponen yang sesuai:-

Kategori Pengarah	Fi RM'000	Gaji & Bonus RM'000	Faedah -ihisan RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	160	-	48	208
Pengarah Bukan Eksekutif	24	346	12	382

2. Julat Jumlah Imbuan:-

	Bilangan Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
Di bawah 50,000	-	2
200,001 – 250,000	1	-
350,001 – 400,000	-	1

PEMEGANG STOK

Mesyuarat Agung Tahunan ialah forum utama untuk dialog dengan pemegang stok. Terdapat sesi soal-jawab terbuka di mana pemegang stok boleh mengajukan soalan berkenaan resolusi-resolusi yang dicadangkan di mesyuarat dan juga berkenaan perkara berkaitan perniagaan dan hal-ehwal Kumpulan.

Di samping itu, setiap perkara perniagaan khas yang terkandung dalam notis mesyuarat akan disertakan dengan penjelasan penuh kesan-kesan sesuatu resolusi yang dicadangkan.

Adalah juga menjadi amalan Lembaga Pengarah untuk mengadakan sidang akhbar dengan wartawan jika diminta berbuat demikian selepas Mesyuarat Agung Tahunan.

LAPORAN KEWANGAN

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman keputusan suku tahunan, Lembaga Pengarah bertujuan membentangkan satu penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini turut digunakan kepada laporan awam yang sensitif-harga dan laporan kepada penguatkuasa peraturan. Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam meneliti laporan-laporan sedemikian untuk memastikan ketepatan dan kecukupan.

KENYATAAN BERKENAAN TANGGUNGJAWAB PENGARAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN

Para Pengarah disyaratkan oleh Akta Syarikat, 1965 untuk menyediakan penyata kewangan untuk setiap tahun kewangan yang telah disediakan menurut piawaian-piawaian perakaunan yang sesuai serta diluluskan dan memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada penghujung tahun kewangan dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Para Pengarah telah:

Penyata Mengenai Urus Tadbir Korporat (sambungan)

- Memilih dasar-dasar perakaunan yang sesuai dan menggunakannya secara seragam;
- Membuat keputusan dan anggaran yang munasabah dan cermat;
- Memastikan bahawa semua piawaian-piawaian perakaunan yang terpakai telah diikuti; dan
- Menyediakan penyata kewangan atas asas perniagaan berterusan
- Memandangkan Para Pengarah mempunyai harapan munasabah, daripada siasatan yang mereka buat, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi sejauh yang nampak pada masa hadapan.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan dengan ketepatan yang munasabah kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat, 1965.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah yang terbuka kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan dan untuk menghalang dan mengesan sebarang pemalsuan dan sebarang keadaan lain yang tidak mematuhi peraturan.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawab keseluruhannya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang berkesan untuk melindungi pelaburan pemegang stok, aset Syarikat, dan keperluan mengkaji kecukupan dan integriti sistem tersebut dari semasa ke semasa. Dalam mewujudkan dan menyemak sistem kawalan dalaman, Para Pengarah mengenal pasti bahawa sistem kawalan dalaman hanya boleh memberikan jaminan munasabah tetapi bukan mutlak terhadap risiko salah nyata atau kerugian yang material.

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat 5 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 untuk menimbang, membincang dan menyemak semua perkara yang dinyatakan dalam bidang tugas mereka.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Melalui Jawatankuasa Audit Lembaga, Syarikat telah mewujudkan satu hubungan yang terbuka dan wajar dengan juruaudit Syarikat. Juruaudit luar adalah dijemput menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit sekurang-kurangnya sekali setahun untuk membincangkan sifat dan skop audit dan masalah dan kesangsian yang timbul daripada audit terakhir.

Penyata ini adalah dibuat menurut satu resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 10 Mei 2002 .

Maklumat Pematuhan Tambahan

1. **Fi Bukan Audit Yang Dibayar Kepada Juruaudit Luar**

- Holiday Villa Cherating was awarded first prize in the "Beautiful Landscape" competition for Hotel/Resorts/Tourist Complex category for the year 2001 organised by the Pahang State Government.
- Holiday Villa Hotel London in Bayswater won the London Flora Award 2001 organised by the Westminster Council, London.

TRAVEL AND TOURS

Inter Pacific Travel and Tours ("Inter-Pacific Travel") continued to make steady progress upon the completion of its reorganisation efforts. During the year, the company successfully launched a new travel product called interpac lifestyle, a brand that was created and designed for discerning travellers.

The package comprises 5 categories of interesting travel products, namely, Arts & Culture, Adventure, Escapade, Style and Sports. They are specially designed to allow clients the freedom to choose a variety of value-for-money holiday programmes to suit their individual needs.

The company also provides a one-stop centre for all travel related services. These include airline and hotel reservations, airport transfers, incentive programs and currency exchange.

Motorsports Adventure Sdn Bhd ("Motorsports") a wholly-owned subsidiary, successfully organised the fifth "2001 Rainforest Challenge" event. The annual event, a 10-day endurance test for men and machines along designated tracks in the jungle of Malaysia, attracted four-wheel drive adventurers from over 28 countries.

The 2001 event made it to the Malaysia Book of Records by winning the "Most Countries Participation in a 4x4 Event" award.

PROPERTY INVESTMENT AND DEVELOPMENT

During the year, Advance Synergy Realty Sdn Bhd recorded a better result, due mainly to the stability of the property market in Kuching. Property prices continued to rise in line with the increasing demand for medium cost properties. This rising demand is expected to extend into year 2002.

The company is now developing the last few phases of the both Matang Jaya and Gita Jaya projects which are scheduled for completion by end of year 2002.

At the same time, the company is actively identifying suitable development projects and vacant land with development potential in order to replenish its land-bank.



Technologi Maklumat ***Information Technology***

Catatan Pengerusi (sambungan)

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Kumpulan sedang dalam proses menyiapkan pemerolehan Unified Communications Group (Kumpulan UC), pembekal peralatan dan komunikasi yang sedang pesat membangun yang bergerak sebagai pembekal 'solutions' dan Pengisian Komunikasi kepada pengendali-pengendali telekom dan penyedia-penyedia perkhidmatan di Asia Pasifik.

Ditubuhkan pada Mac 1998, Kumpulan UC bergerak dalam bidang teknologi terkini yang merangkumi telefoni, pertukaran, pemprosesan suaralfax dan telefoni internet. Ia telah membangunkan pelbagai teknologi pemilikan, termasuk sistem pertukaran "Unilink" dan platform arkitektural "Perisian Terbuka", dan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada syarikat talian tetap dan telekomunikasi.

Kumpulan UC memberikan perkhidmatan penyelesaian pintar yang membolehkan syarikat telekom dan penyedia perkhidmatan memberikan lebih nilai kepada pelanggan talian tetap dan komunikasi tanpa wayar. Antara produk dan perkhidmatan yang ditawarkan Kumpulan UC kepada syarikat telekom dan penyedia perkhidmatan adalah perkhidmatan prabayar mudah-alih, sistem pengurusan kumpulan mudah-alih, perkhidmatan panggilan prabayar/pascabayar, pemindahan kos terendah, gerbang VoIP, persidangan audio, portal suara dan rangkaian aplikasi pensuisan.

Syarikat pengusaha pula ditawarkan penyelesaian komunikasi canggih untuk membantu peningkatan produktiviti dan kecekapan, kesemuanya direka bentuk di sekitar sistem pemilikan "Unilink".

Melalui aktiviti Kumpulan UC yang tertumpu kepada keperluan pasaran komunikasi serantau yang sedang berkembang, adalah dijangkakan komitmen syarikat dalam penyelidikan dan pembangunan serta kesediaan bertindak balas terhadap perkembangan industri akan memastikan kedudukannya yang unggul dalam pasaran akan kukuh berterusan. Perkembangan serantau dalam bidang komunikasi tanpa wayar dan VoIP dijangka akan terus meningkat dan Kumpulan, melalui Kumpulan UC akan meraih keuntungan dari perkembangan positif ini.

PERKILANGAN

Sepanjang tahun 2001, Jarrett Synergy Pty Ltd ("Jarrett"), subsidiari milik-penuh Calmford Incorporated, telah dengan jayanya melaksanakan satu pelan penyusunan semula untuk memisahkan kegiatan perkilangannya kepada empat bahagian yang jelas – Jarrett Manufacturing, satu bahagian yang mengendalikan pembekalan komponen OEM kepada pelanggan automotif; Jarrett Metal Finishing, satu bahagian yang membekalkan perkhidmatan pengkemas besi; Jarrett Crane and Winches, satu bahagian yang membekalkan win tangan dan kren untuk kegunaan automotif, industri dan treler bot; dan Jarrett TUFF Hardware, satu bahagian yang membekalkan produk perkakasan untuk syarikat binaan dan pembekal. Usaha penstrukturan semula ini memperkenalkan kawalan kos yang lebih baik dan kepekaan serta ketelusan pengurusan, melalui kecekapan membuat laporan.

Selepas satu kajian strategik, fokus strategik Jarrett telah diorientasikan semula ke arah pertumbuhan dan pembangunan bahagian produk yang mempunyai pertumbuhan dan untung tinggi.

Chairman's Statement (continued)

INFORMATION TECHNOLOGY AND COMMUNICATIONS

The Group is in the process of completing its acquisition of the Unified Communications Group ("UC Group"), a growing communications equipment and solutions vendor providing Enhanced Services and Converged Communications Solutions to telecoms carriers and service providers in the Asia Pacific. With the completion of the acquisition, the UC Group will serve as the Group's flagship business in the advancing field of information technology and communications.

Established in March 1998, the UC Group specializes in state-of-the-art technology in telephony, switching, voicelfax processing and internet telephony. It has developed various proprietary technologies, including the "Unilink" switching system and "Open Software" architectural platform, and provides its products and services to the region's leading fixed-line and wireless telecommunications companies ("telcos"), service providers ("SPs") and enterprises.

The UC Group enables telcos and SPs with enhanced solutions to provide value added services to their fixed-line and wireless communications customers. Among the products and services offered by the UC group to telcos and SPs are prepaid mobile services, mobile fleet management systems, prepaid/postpaid calling services, least cost routing, VoIP gateways, audio conferencing, voice portal and network switching applications.

Enterprises are meanwhile offered the UC Group's enhanced communications solutions to aid productivity and efficiency improvements, all of which are designed around the proprietary "Unilink" system.

With the focus of the UC Group's activities being fixed on the needs of the rapidly growing regional communications market, it is expected that the company's commitment to research and development and responsiveness to industry developments will ensure the continuation and strengthening of its leadership position in the market. Wireless and VoiP communications growth is expected to rise steadily in the region, and the Group, through the UC Group, will stand to benefit from these positive developments.

MANUFACTURING

During 2001 Jarrett Synergy Pty Ltd ("Jarrett"), a wholly-owned subsidiary of Calmford Incorporated, successfully implemented a restructuring plan to separate its manufacturing activities into four distinct divisions – Jarrett Manufacturing, a division involved in the supply of OEM components to automotive customers; Jarrett Metal Finishing, a division supplying metal finishing services; Jarrett Cranes and Winches, a division supplying proprietary hand-winches and cranes for automotive, industrial and boat-trailer use; and Jarrett TUFF Hardware, a division supplying proprietary hardware products to builders and retailers. This restructuring exercise ushered in improved cost control and management responsiveness, through greatly enhanced reporting efficiency and transparency.

Following a strategic review, Jarrett's strategic focus has been reorientated towards the growth and development of its high-margin, high-growth own-product divisions. A reorganisation of its

Catatan Pengerusi (sambungan)

Pelarasan semula pendekatan pengeluaran dan fungsi pemasaran telah menghasilkan peningkatan yang signifikan dalam kecekapan operasi dan pertumbuhan hasil bahagian produk laksana-sendiri (do-it-yourself atau DIY). Pengambilan sumber luar komponen untuk bahagian produk laksana-sendiri – Jarrett Cranes and Winch dan Jarrett TUFF Hardware – telah bermula dan dijadualkan selesai menjelang 2002, menjamin penjimatan kos yang lebih baik dan pembekalan yang lebih terjamin untuk membantu pertumbuhan hasil dan keuntungan yang makin bertambah. Ke arah sasaran ini, Jarrett akan cuba mewujudkan pejabat perwakilan di Shanghai, China untuk membantu pembangunan produk dan penyediaan prototaip, dan untuk menjamin penghantaran komponen tepat mengikut masa dan berkualiti.

Harapan untuk Jarrett adalah positif, dengan peluang besar untuk berkembang antara negeri di Australia dan ke luar negara melalui eksport dan pengenalan produk baru yang akan keluar tidak lama lagi. Untuk mempercepatkan usahanya merealisasikan potensi bahagian produk laksana-sendiri, Jarrett pada masa ini sedang mengkaji pelupusan strategik bahagian Jarrett Manufacturing dan Jarrett Metal Finishing, dalam usaha membebaskan sumber syarikat untuk memberi lebih fokus kepada kegiatan pertumbuhan dan untung tinggi.

PENGANGKUTAN AWAM

Sepanjang tahun yang dibincangkan, anak syarikat kita iaitu United Merchant Group Berhad ("UMG") telah mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM19.2 juta (2000: RM209.5 juta) dan keuntungan kumpulan sebelum cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM21.3 juta (2000: RM130.4 juta).

Sejak pelupusan teras perniagaannya iaitu perbankan dan kewangan, UMG telah bergiat mencari peluang perniagaan baru. Dalam proses ini, UMG telah mencadangkan untuk menjadikan unit Insurans Am Kumpulan yang sedia ada iaitu ACE Synergy Insurance Berhad ("ACE") sebagai salah satu perniagaannya, dengan memperolehi keseluruhan kepentingan ekuiti Advance Synergy Berhad di dalam ACE. Sebagai tambahan kepada cadangan pelaburan di dalam Insurans Am, UMG bercadang untuk menjadikan perkhidmatan pengangkutan bas ekspres antara negeri dan bas berhenti-henti (dalam bandar) yang bersepadu sebagai teras perniagaan yang baru.

Selepas kajian yang terperinci, UMG mengenalpasti industri pengangkutan bas sebagai satu bidang yang berpotensi besar untuk berkembang. Sewaktu ekonomi negara terus maju, adalah dijangkakan bahawa keperluan awam kepada pengangkutan antara-negeri dan dalam-bandar yang cekap sebagai alternatif kepada pengangkutan udara dan kenderaan persendirian akan meningkat, seperti yang ditunjukkan oleh pengalaman United Kingdom dan Amerika Syarikat. Dengan meningkatnya pemilikan kenderaan persendirian yang akan menyumbang kepada kesesakan jalanraya, UMG melihat bahawa perkhidmatan pengangkutan awam akan berubah menjadi satu pengangkutan alternatif kepada semua lapisan masyarakat, tidak lagi terbatas kepada mereka yang tiada kenderaan sendiri sahaja.

Chairman's Statement (continued)

production approach and marketing function has yielded considerable improvements in operating efficiency and revenue growth of the own-product divisions. Outsourcing of componentry for these own-products divisions - Jarrett Cranes and Winch and Jarrett TUFF Hardware - have commenced and is scheduled to be completed by 2002, securing greater cost-savings and supply-reliability to aid further revenue growth and augment profitability. To this end, Jarrett will seek to establish a representative office in Shanghai, China to assist with product development and prototyping, and to ensure the timeliness and quality of all components deliveries.

The outlook for Jarrett is promising, with enormous opportunities available to expand interstate and abroad through export and via the introduction of new products already in the pipeline. To expedite its efforts to realise the potential of the own-product divisions, Jarrett is currently exploring a strategic divestment of its Jarrett Manufacturing and Jarrett Metal Finishing divisions, in order to free company resources to focus more firmly on the high-margin, high-growth activities.

PUBLIC TRANSPORTATION

During the year under review, United Merchant Group Berhad ("UMG") achieved a profit before taxation of RM19.2 million (2000: RM209.5 million) and a group profit before taxation and minority interests of RM21.3 million (2000: RM130.4 million)

Since the divestment of its core banking and finance business, UMG has been actively seeking new business ventures. While undergoing this process, UMG has proposed to establish as a cornerstone investment the existing General Insurance unit of the Group, ACE Synergy Insurance Berhad ("ACE"), by acquiring Advance Synergy Berhad's entire equity interest in ACE. In addition to the proposed investment in General Insurance, UMG proposes to have, as its principal business, the operation of integrated interstate and stage (intra-city) bus transportation services.

UMG has, after extensive analysis, identified the bus transportation industry in Malaysia as a lucrative market with considerable growth potential. As the national economy moves further along its developmental path, it is anticipated that the public need for an efficient means of interstate and intra-city transport as an alternative to air or private vehicle travel will intensify, as testified by experiences of the United Kingdom and United States of America. With growing private vehicle ownership contributing to traffic congestion and inconvenience, UMG foresees public transportation services evolving into a real commuting alternative for all layers of society, no longer confined to those without their own means of transport.

Catatan Pengerusi (sambungan)

Dalam menggunakan amalan dan piawaian terbaik operator-operator utama di United Kingdom, Asia dan Australia, UMG berniat bukan sahaja untuk menawan sebahagian besar pasaran yang sedia ada untuk perkhidmatan ini, tetapi juga untuk membesarkan pasaran ini dengan memperkenalkan perkhidmatan yang jauh lebih baik, kebolehpercayaan yang tiada tolok banding, keselesaan dan kecekapan, untuk menandingi kenderaan persendirian. Dengan melaksanakan budaya perkhidmatan yang bertaraf dunia, iltizam untuk peningkatan perkhidmatan, aset, dan kecekapan operasi, dan dengan menggunakan teknik-teknik pengurusan kapasiti dan hasil yang sangat responsif, perkhidmatan operasi bus UMG bertujuan memberikan nilai yang bermakna kepada para pelanggan dan pemegang sahamnya.

UMG bertekad untuk menjadi antara operator pengangkutan awam yang terbaik di rantau ini baik dari segi prestasi kewangan mahupun perkhidmatan inovatif. Untuk mencapai sasaran ini di dalam pasaran Malaysia yang rata-ratanya berpecah-pecah, skala dan inovasi adalah terpenting untuk mendapatkan ekonomi dan kecekapan di dalam operasi. UMG sudah merangka pelan pertumbuhannya untuk mencapai sasaran ini dengan giat – langkah pertama adalah cadangan pemerolehan Konsortium Bas Ekspres Semenanjung (M) Sdn Bhd, satu kumpulan 200 bas antara-negeri yang berulang-alik merentasi laluan seluruh semenanjung. Usaha tambahan sedang dijalankan untuk membesarkan kumpulan ini melalui penggabungan atau pemerolehan lesen laluan tambahan dan aset.

UMG juga telah bertekad mewujudkan operasi sokongan termasuk bahagian kejuruteraan dan penyelenggaraan, bahagian sumber manusia yang khusus, sistem pengeluaran tiket berpusat dan pengurusan hasil yang bersepadu dan unit pengurusan perhentian bas. Pengenalan integrasi menegak sedemikian kepada operasi pengangkutan bus akan memastikan kecekapan operasi dan kepekaan terhadap perkembangan pasaran ditingkatkan ke tahap tertinggi.

Prospek untuk pertumbuhan jangka panjang di dalam industri tersebut adalah sangat baik sekali, memandangkan arah aliran yang meningkat untuk penggunaan pengangkutan awam di serata dunia, yang dijangka akan terus kekal. Disamping itu, kesesakan trafik akan terus menjadi semakin buruk serta kemudahan meletak kereta juga gagal untuk berkembang bersama-sama dengan perkembangan di dalam pemilikan kenderaan persendirian.

Dalam melancarkan perkhidmatan pengangkutan bus dan ACE sebagai perniagaan utamanya, UMG hanya memerlukan penggunaan sebahagian kecil daripada rizab tunainya. Oleh yang demikian, dan memandangkan kekurangan peluang perniagaan lain yang berpotensi untuk memberikan pertumbuhan nilai yang luar biasa kepada pemegang saham, UMG telah mencadangkan untuk mengembalikan kepada para pemegang saham 90 sen tunai untuk setiap saham biasa bernilai RM1.00 yang dibayar sepenuhnya.

DIVIDEN

Oleh kerana kerugian keseluruhan yang dialami, Lembaga Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir Disember 31, 2001.

Chairman's Statement (continued)

In adopting best practices and standards of leading operators in the United Kingdom, Asia and Australia, UMG intends not only to capture a large share of the existing market for these services but also to enlarge the market for these services through the introduction of superior service, unprecedented reliability, comfort and efficiency, to rival private transport as an alternative for interstate and intra-city travel. By implementing a world-class service culture, committing to continuous improvement in services, assets, and operating efficiency, and by employing highly responsive revenue and capacity management techniques, the proposed UMG bus transport service aims to deliver significant value to both its customers and shareholders.

UMG's proposed bus transportation operation aims to rank among the best in the region for both financial performance and innovative service. To achieve these goals in a largely fragmented Malaysian market, scale and innovation are priorities to secure economies and efficiencies in operations. UMG is already actively implementing its growth plan to achieve these goals – the first step being the proposed acquisition of Konsortium Bas Ekspres Semenanjung (M) Sdn Bhd, a 200-strong fleet of interstate-buses plying routes across the peninsula. Further efforts are being effected to enlarge this fleet through the strategic merger or acquisition of additional route licences and assets.

UMG has also undertaken to establish ancillary operations including an engineering and maintenance arm, a specialised human resources management division, an integrated central ticketing and revenue management system and a bus-terminus management unit. Introducing such vertical integration to the bus transportation operation will ensure that operating efficiencies and responsiveness to market developments are optimised to the greatest extent.

The prospects for long-term growth in the industry are outstanding, given the nature of the existing services offered by incumbents and the rising trend for public transport usage across the world, which is expected to persist as traffic congestion continues to worsen and parking facilities fail to grow in tandem with growth in private vehicle ownership. With bus transport service operators in the United Kingdom reporting continued growth and increasing strength of their interstate and stage bus operations over their comparable rail operations, UMG believes that the business of providing bus transportation services has considerably more potential and commercial appeal than is ordinarily thought.

In launching the proposed bus transportation service and establishing ACE as a cornerstone business, UMG has required only a partial deployment of its cash reserves. As such, and in view of the scarcity of other business opportunities with the potential to deliver outstanding growth in value for shareholders, UMG has proposed to return to its shareholders 90 sen in cash for each fully paid-up ordinary share of RM1.00.

DIVIDENDS

In view of the overall loss incurred, the Directors do not recommend any dividend payment for the financial year ended December 31, 2001.

Catatan Pengerusi (sambungan)

MASA HADAPAN

Memandangkan keadaan ekonomi dunia semasa yang tidak menentu, kita menghadapi tahun akan datang dengan penuh waspada. Oleh itu Kumpulan akan terus merasionalisasi semua unit perniagaan strategiknya untuk memastikan sumbangan positif kepada Kumpulan. Kumpulan akan terus mengenalpasti peluang perniagaan baru disamping menjangkakan bahawa sektor-sektor perniagaan baru yang dikenalpasti tahun lepas akan mencatat pertumbuhan yang diharapkan.

Dalam jangka masa sederhana dan panjang, Kumpulan yakin akan mencapai keputusan operasi yang lebih baik.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengucapkan terima kasih kepada Encik Sng Chong Khian yang telah meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah dalam tahun ini, untuk sumbangan bermakna beliau kepada Kumpulan. Dengan kesempatan ini juga kita mengalu-alukan kehadiran Encik Chim Wai Khuan sebagai ahli Lembaga Pengarah kita yang baru.

Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pemegang saham, pelanggan dan sekutu perniagaan kita, atas keyakinan dan sokongan padu mereka kepada Kumpulan.

Seterusnya kita melahirkan penghargaan kepada Badan-badan Kawalan dan pihak berkuasa atas bimbingan mereka yang berterusan; dan kepada pihak pengurusan dan semua kakitangan, kita mengucapkan terima kasih dan semoga dirahmati Tuhan.

DATO' AHMAD SEBI BAKAR
Pengerusi Eksekutif

Kuala Lumpur
26 April 2002

Chairman's Statement (continued)

THE FUTURE

In view of the current world economic uncertainties, the outlook for the forthcoming year remains cautious. Hence, we will continue to rationalise all our strategic business units to ensure positive contribution to the Group. The Group will also continue to identify new business opportunities and expects the growth of new business sectors identified last year to gain momentum.

In the medium and long term, the Group is confident of achieving better operating results.

APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I would like to thank Mr. Sng Chong Khian who resigned from the Board during the year, for his valuable contribution to the Group. At the same time I also take this opportunity to welcome Mr. Chim Wai Khuan, our new Board member, to our Group.

To all our shareholders, customers and associates our deepest gratitude for their confidence and strong support for the Group. To the Regulatory Authorities, our appreciation for their continued guidance; and to the management and staff, we say thank you and God bless.

DATO' AHMAD SEBI BAKAR
Executive Chairman

Kuala Lumpur
26 April 2002



Penyata Kewangan

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka bersama-sama penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat merangkumi pemegangan pelaburan dan penyediaan sokongan korporat serta kewangan yang sepenuhnya kepada subsidiari-subsidiarinya. Kegiatan utama subsidiari-subsidiari ditunjukkan dalam Nota 43 kepada Penyata Kewangan. Tidak terdapat perubahan ketara di dalam kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Kerugian selepas cukai	22,862	10,151
Kepentingan minoriti	5,675	-
Kerugian bersih tahun kewangan	28,537	10,151

Dividen

Tiada dividen yang telah dibayar atau diumumkan oleh Syarikat semenjak akhir tahun kewangan yang lepas. Para pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen berdasarkan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

PENERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham atau debentur sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

WARAN 2000/2003

Pada tahun kewangan 2000, Syarikat telah menerbitkan RM185,874,269 nilai nominal 7% Stok-stok Pinjaman Boleh Tebus 2000/2005 dan RM183,460,787 nilai nominal 7% Stok-stok Pinjaman Boleh Tukar 2000/2005 berserta 168,896,809 Waran-waran 2000/2003 boleh pisah.

Waran-waran 2000/2003 tersebut telah diterbitkan kepada pemegang-pemegang stok Syarikat yang berkecualan pada harga tawaran 20 sen setiap Waran 2000/2003 pada dasar satu (1) Waran untuk setiap dua (2) unit stok yang wujud dan dipegang dalam Syarikat.

Setiap Waran 2000/2003 melayakkan pemegang berdaftar, sepanjang tempoh guna hak ini, untuk melanggan satu unit stok baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga guna hak RM1.00 setiap unit stok sepanjang tempoh guna hak yang berakhir 28 Ogos 2003.

Kerana sememangnya syarat Waran-waran 2000/2003, pemegang-pemegang berdaftar tidak mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam apa-apa penerbitan saham Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya.

Setelah berakhir tempoh guna hak ini, mana-mana waran yang tidak diguna hak akan tamat dan tidak sah digunakan untuk apa-apa tujuan.

Sepanjang tahun kewangan, tiada terjadi guna hak Waran-waran.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak terdapat pindahan ketara ke atau dari rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 selain yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak dari tarikh laporan terakhir adalah:

- Dato' Ahmad Sebi Bakar
- Aznan Bin Haji Ismail
- Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil
- Wong Ah Nam @ Wong Joon Tuang
- Datin Masri Khaw Binti Abdullah
- Chim Wai Khuan (*Dilantik pada 12.12.2001*)
- Sng Chong Khian (*Meletak jawatan pada 20.11.2001*)

Selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Aznan Bin Haji Ismail dan Dato' Nik Ibrahim Kamil Bin Tan Sri Nik Ahmad Kamil bersara daripada Lembaga mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana masih layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

Selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Chim Wai Khuan yang telah dilantik di dalam tahun kewangan, bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana masih layak, menawarkan diri beliau untuk dipilih semula.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut Daftar Pemegangan Stok Para Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, para pengarah berikut yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan mutlak dalam unit-unit stok dan/atau waran-waran Syarikat dan saham-saham syarikat-syarikat berkait sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001:-

	Bilangan unit-unit stok/saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.12.2001
	Baki pada 1.1.2001	Beli	Jual	
Kepentingan langsung				
Kepentingan:-				
Dato' Ahmad Sebi Bakar di:-				
- Advance Synergy Berhad	15,020,009	-	-	15,020,009
Datin Masri Khaw Binti Abdullah di:-				
- Advance Synergy Berhad	6,000	-	-	6,000
- Alangka-Suka Hotels & Resorts Berhad	308,000	-	-	308,000

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (sambungan)

	Bilangan unit-unit stok/saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			Baki pada 31.12.2001
	Baki pada 1.1.2001	Beli	Jual	
Kepentingan tidak langsung				
Kepentingan:-				
Dato' Ahmad Sebi Bakar di:-				
- Advance Synergy Berhad	27,451,109	-	-	27,451,109
Datin Masri Khaw Binti Abdullah di:-				
- Advance Synergy Berhad	700,000	-	-	700,000

	Bilangan Waran 2000/2003			Baki pada 31.12.2001
	Baki pada 1.1.2001	Beli	Jual	
Kepentingan langsung				
Kepentingan:-				
Dato' Ahmad Sebi Bakar	7,510,005	-	-	7,510,005
Datin Masri Khaw Binti Abdullah	3,000	-	-	3,000

Kepentingan tidak langsung				
Kepentingan:-				
Dato' Ahmad Sebi Bakar	13,727,000	-	-	13,727,000
Datin Masri Khaw Binti Abdullah	350,000	-	-	350,000

Tiada para pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan mutlak dalam unit-unit stok atau waran-waran Syarikat dan saham-saham syarikat-syarikat berkait sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada seorang pun pengarah Syarikat yang menerima atau layak menerima sebarang manfaat, selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada Penyata Kewangan, melalui perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkait dengan pengarah, atau dengan firma di mana pengarah tersebut merupakan seorang ahli, atau dengan sebuah syarikat di mana pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang utama.

Tidak terdapat sebarang perancangan yang dibuat sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, di mana Syarikat menjadi pihak, yang matlamatnya membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain kecuali penerbitan waran-waran seperti yang dinyatakan dalam Nota 27(a) kepada Penyata Kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN TENTANG KUMPULAN DAN SYARIKAT:-**(I) PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN**

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:-
 - (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan hapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin mencapai nilai bukunya dalam urusan perniagaan biasa telah diturunkan nilainya ke nilai yang dianggarkan dapat dicapai.
- (b) Pada pendapat para pengarah, hasil operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa kecuali seperti yang dinyatakan dalam Nota-nota kepada Penyata Kewangan.

(II) DARI AKHIR TAHUN KEWANGAN KE TARIKH LAPORAN INI

- (c) Para pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan:-
 - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; dan
 - (iii) yang berbangkit yang boleh menyebabkan penggunaan kaedah penilaian yang sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada pendapat para pengarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota-nota kepada Penyata Kewangan:-
 - (i) tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang mungkin mempengaruhi hasil operasi Kumpulan dan Syarikat secara ketara bagi tahun kewangan laporan ini dibuat; dan
 - (ii) tidak terdapat liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa, atau berkemungkinan berkuatkuasa, dalam jangka masa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin mempengaruhi secara ketara keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya kelak.

(III) PADA TARIKH LAPORAN INI

- (e) Tidak terdapat sebarang caj ke atas aset-aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan untuk menjamin liabiliti pihak lain.
- (f) Tidak terdapat liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (g) Para pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

JURUAUDIT

Juruaudit yang bersara, Tetuan BDO Binder, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak lembaga menurut resolusi para pengarah.

.....
Dato' Ahmad Sebi Bakar

.....
Wong Ah Nam @ Wong Joon Tuang

Kuala Lumpur
26 April 2002

PENYATA PENDAPATAN untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Hasil	5	199,530	389,804	8,926	292
Kos penjualan		(121,453)	(203,026)	-	-
Untung kasar		78,077	186,778	8,926	292
Pendapatan operasi lain		21,595	57,363	14,549	-
Kos pengagihan		(6,097)	(4,825)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(21,644)	(66,621)	(360)	(426)
Perbelanjaan operasi lain		(34,490)	(72,759)	(6,352)	(3,116)
Kerugian daripada pelupusan subsidiari-subsidiari	6	(26,170)	(63,109)	(91)	-
Peruntukan pengurangan nilai pelaburan	7	-	(13,383)	-	(170,729)
Keuntungan/(Kerugian) daripada operasi		11,271	23,444	16,672	(173,979)
Kos pembiayaan		(32,313)	(38,992)	(24,533)	(24,270)
Bahagian daripada hasil syarikat bersekutu		7,157	11,328	-	-
Kerugian sebelum cukai	8	(13,885)	(4,220)	(7,861)	(198,249)
Cukai	9	(8,977)	(23,379)	(2,290)	(309)
Kerugian selepas cukai		(22,862)	(27,599)	(10,151)	(198,558)
Kepentingan minoriti		(5,675)	(57,989)	-	-
Kerugian bersih tahun kewangan		(28,537)	(85,588)	(10,151)	(198,558)
Kerugian seunit stok (sen)	10				
Asas		(8.45)	(25.34)		

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

KUNCI KIRA-KIRA pada 31 Disember 2001

	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
PENGGUNAAN ASET					
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN	11	333,886	363,324	81	171
KEPENTINGAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI	12	-	-	612,401	640,492
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU	13	84,795	71,236	32,027	19,777
TANAH YANG DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN	14	13,774	13,745	-	-
SEKURITI PELABURAN	15	53,391	54,069	39,633	39,633
MUhibah daripada Penyatuan	16	91,027	94,535	-	-
MUhibah yang dibeli	17	1,257	1,459	-	-
Aset tidak ketara	18	998	1,497	-	-
ASET SEMASA					
Harta tanah pembangunan dan perbelanjaan	19	54,487	52,727	-	-
Inventori	20	14,569	19,473	-	-
Belum terima	21	142,790	150,572	230,811	205,797
Cukai boleh diperolehi semula	22	8,611	6,284	8,307	6,018
Sekuriti urus niaga	22	4,758	9,082	-	-
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	23	484,519	545,723	1,100	1,600
Tunai dan baki bank		24,511	23,219	2,335	262
		734,245	807,080	242,553	213,677
TOLAK: LIABILITI SEMASA					
Perlu bayar	24	109,760	119,245	133,074	112,253
Overdraf bank	25	5,633	11,082	-	-
Pinjaman jangka pendek	26	19,238	35,312	-	-
Cukai		10,000	5,643	4,931	2,642
		144,631	171,282	138,005	114,895
ASET SEMASA BERSIH		589,614	635,798	104,548	98,782
		1,168,742	1,235,663	788,690	798,855

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
DIBIYAI OLEH					
MODAL SAHAM	27	337,794	337,794	337,794	337,794
RIZAB	28	87,855	119,484	81,561	91,726
EKUITI PEMEGANG STOK		425,649	457,278	419,355	429,520
KEPENTINGAN MINORITI		327,548	349,346	-	-
7% STOK-STOK PINJAMAN BOLEH TEBUS 2000/2005	29	185,874	185,874	185,874	185,874
7% STOK-STOK PINJAMAN BOLEH TUKAR 2000/2005	29	183,461	183,461	183,461	183,461
PINJAMAN BERPENGAL	30	41,648	52,036	-	-
PEMIUTANG SEWA BELI DAN PAJAKAN	31	3,167	6,442	-	-
CUKAI TERTUNDA	32	1,092	1,186	-	-
PERUNTUKAN FAEDAH PERSARAAN	33	264	-	-	-
PENDAPATAN TERTUNDA	34	39	40	-	-
		<u>1,168,742</u>	<u>1,235,663</u>	<u>788,690</u>	<u>798,855</u>

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

Kumpulan	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Rizab perubahan pertukaran mata wang asing RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 31 Disember 1999	337,794	432,423	69	49,095	-	3,247	(327,927)	494,701
Perbelanjaan penstrukturan hutang	-	(1,972)	-	-	-	-	-	(1,972)
Kerugian daripada pertukaran	-	-	-	-	-	(459)	-	(459)
Pindahan dari rizab berkanun	-	-	-	(49,095)	-	-	49,095	-
Penilaian semula harta tanah, loji dan peralatan	-	-	-	-	50,784	-	-	50,784
Pindahan ke kepentingan minoriti	-	-	-	-	(188)	-	-	(188)
Laba dan Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	(1,972)	-	(49,095)	50,596	(459)	49,095	48,165
Kerugian bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	(85,588)	(85,588)
Baki pada 31 Disember 2000	337,794	430,451	69	-	50,596	2,788	(364,420)	457,278
Perbelanjaan penstrukturan hutang	-	(14)	-	-	-	-	-	(14)
Kerugian daripada pertukaran	-	-	-	-	-	(1,217)	-	(1,217)
Rizab timbul daripada penyusunan semula	-	-	(1,861)	-	-	-	-	(1,861)
Laba dan Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	(14)	(1,861)	-	-	(1,217)	-	(3,092)
Kerugian bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	(28,537)	(28,537)
Baki pada 31 Disember 2001	337,794	430,437	(1,792)	-	50,596	1,571	(392,957)	425,649

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

Syarikat	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Rizab perubahan pertukaran mata wang asing RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 31 Disember 1999	337,794	432,423	69	-	-	-	(140,236)	630,050
Perbelanjaan penstrukturan hutang	-	(1,972)	-	-	-	-	-	(1,972)
Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	(1,972)	-	-	-	-	-	(1,972)
Kerugian bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	(198,558)	(198,558)
Baki pada 31 Disember 2000	337,794	430,451	69	-	-	-	(338,794)	429,520
Perbelanjaan penstrukturan hutang	-	(14)	-	-	-	-	-	(14)
Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	(14)	-	-	-	-	-	(14)
Kerugian bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	(10,151)	(10,151)
Baki pada 31 Disember 2001	337,794	430,437	69	-	-	-	(348,945)	419,355

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Kerugian sebelum cukai		(13,885)	(4,220)	(7,861)	(198,249)
Pelarasan untuk:-					
Peruntukan hutang ragu		1,019	7,991	3,324	2
Pertambahan rizab bersih daripada penyatuan		(451)	(319)	-	-
Pelunasan aset tidak ketara		499	-	-	-
Pelunasan muhibah yang dibeli		79	157	-	-
Hutang lapuk dihapus kira		264	722	-	-
Hutang lapuk dan pembiayaan diperoleh semula		(185)	(838)	-	-
Deposit dihapus kira		-	17	-	-
Susut nilai/pelunasan		14,046	17,156	44	134
Pendapatan tertunda diiktiraf		(1)	(2)	-	-
Pendapatan dividen kasar		(1,889)	(2,259)	(8,874)	(58)
Perbelanjaan faedah		32,313	38,992	24,533	24,270
Pendapatan faedah		(1,055)	(2,031)	(52)	(234)
Kerugian/(Laba) bersih daripada pelupusan pelaburan		44	(4,813)	-	-
Kerugian bersih daripada pelupusan subsidiari-subsidiari		26,170	63,109	91	-
Laba bersih daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		(306)	(3,182)	-	-
Harta tanah, loji dan peralatan dihapus kira		133	93	53	-
Peruntukan kerugian kredit		-	1,035	-	-
Peruntukan pengurangan nilai pelaburan		-	13,383	-	170,729
Peruntukan faedah persaraan		264	-	-	-
Bahagian daripada hasil syarikat bersekutu		(7,157)	(11,328)	-	-
Inventori dihapus kira		634	-	-	-
Laba bersih daripada pertukaran mata wang asing yang tidak direalisasikan		(8)	(3,139)	-	-
Kemasukan semula peruntukan pengurangan nilai pelaburan		-	(3,885)	-	-
Kemasukan semula peruntukan hutang ragu		(5)	(180)	-	-
Kemasukan semula peruntukan harta tanah, loji dan peralatan		(123)	-	-	-
Kemasukan semula peruntukan caj perkhidmatan		(211)	-	-	-
Kemasukan semula peruntukan kerosakan		(120)	-	-	-
Kemasukan semula perbelanjaan faedah		(14,549)	-	(14,549)	-
Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja		35,520	106,459	(3,291)	(3,406)
Penambahan harta tanah pembangunan dan perbelanjaan		(1,760)	(19,273)	-	-
(Penambahan)/Pengurangan inventori		(1,588)	20,600	-	-
(Penambahan)/Pengurangan belum terima		(65,370)	(37,000)	(25,168)	7,502
Pengurangan cukai boleh diperoleh semula		-	44	-	-
Pengurangan deposit berkanun dengan BNM		-	7,852	-	-
Pengurangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		-	167,617	-	-
Baki yang dihantar ke hadapan		(33,198)	246,299	(28,459)	4,096

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

NOTA	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Baki yang dibawa ke hadapan	(33,198)	246,299	(28,459)	4,096
Pinjaman subordinat tidak bercagar	-	15,000	-	-
Pengurangan/(Penambahan) sekuriti urus niaga	4,324	(58,580)	-	-
Penambahan deposit dengan institusi kewangan	(694)	(527)	-	-
Penambahan/(Pengurangan) perlu bayar	3,754	14,502	18,620	(4,507)
Pengurangan sekuriti yang dijual di bawah perjanjian beli balik	-	100,680	-	-
Pengurangan deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	-	(309,633)	-	-
Penambahan deposit daripada pelanggan	-	103,536	-	-
Tunai (digunakan)/dihasilkan daripada operasi	(25,814)	111,277	(9,839)	(411)
Cukai dibayar	(6,322)	(10,693)	-	-
Perbelanjaan pembangunan perisian	-	(559)	-	-
Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) daripada aktiviti operasi	(32,136)	100,025	(9,839)	(411)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Kutipan daripada pelupusan sekuriti pelaburan	764	17,344	-	-
Kutipan daripada pelupusan subsidiari	-	-	28,000	-
Pelaburan tambahan dalam subsidiari	(2,990)	-	-	-
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai daripada pelupusan subsidiari-subsidiari (Nota 6(b)(iv)/6(d)(iii))	31,113	38,053	-	-
Penambahan tanah dipegang untuk pembangunan	(29)	(28)	-	-
Dividen diterima	1,889	1,978	6,585	42
Faedah diterima	1,055	2,031	52	234
Kutipan daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	457	11,306	-	-
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	35 (8,883)	(29,672)	(7)	(1)
Pembelian sekuriti pelaburan	-	(205,463)	-	-
Pelaburan tambahan dalam syarikat bersekutu	(12,250)	-	(12,250)	-
Pemerolehan pelaburan dalam syarikat bersekutu	(12,702)	-	-	-
Pinjaman subordinat tidak bercagar yang diberikan kepada sebuah syarikat bersekutu	-	(15,000)	-	-
Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	(1,576)	(179,451)	22,380	275

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pengambilan daripada pinjaman berpenggal		8,560	4,876	-	-
Pengambilan daripada pinjaman jangka pendek		11,866	12,829	-	-
Perbelanjaan terbayar penstrukturan hutang Faedah terbayar		(14)	(1,972)	(14)	(1,972)
Pembayaran semula pemiutang sewa beli dan pajakan		(17,540)	(10,925)	(10,954)	-
Pembayaran semula pinjaman jangka pendek		(2,126)	(3,351)	-	-
Pembayaran semula pinjaman berpenggal		(18,584)	(7,578)	-	-
Pembayaran semula pinjaman modal subordinat boleh ubah		(3,301)	(24,207)	-	-
		-	(50,000)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(21,139)	(80,328)	(10,968)	(1,972)
Kesan daripada perubahan pertukaran mata wang		(221)	9,109	-	-
(PENGURANGAN)/PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		(55,072)	(150,645)	1,573	(2,108)
KESAN DARIPADA PENYAHPENYATUAN SEBUAH SUBSIDIARI DI BAWAH PENTADBIRAN KHAS	36	-	(9,257)	-	-
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN					
Seperti yang dilaporkan sebelumnya		556,212	716,217	1,862	3,970
Kesan daripada perubahan pertukaran mata wang		(85)	(103)	-	-
Seperti dinyatakan semula		556,127	716,114	1,862	3,970
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PENGHUJUNG TAHUN KEWANGAN	37	501,055	556,212	3,435	1,862

Nota-nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

1. MAKLUMAT AM

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia serta disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL").

Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 3A (Blok Menara), Menara Milenium, 8 Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia.

2. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat merangkumi pemegangan pelaburan dan penyediaan sokongan korporat serta kewangan yang sepenuhnya kepada subsidiari-subsidiarinya. Kegiatan utama subsidiari-subsidiari disenaraikan dalam Nota 43 kepada Penyata Kewangan. Tidak terdapat perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan.

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut piawaian-piawaian perakaunan yang sesuai serta diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

4.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah (yang diubah suai dengan penilaian semula harta tanah tertentu) kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang sesuai serta diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 memerlukan para pengarah untuk membuat anggaran-anggaran dan andaian-andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan hasil serta perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tempoh laporan. Keputusan sebenar mungkin berbeza dengan anggaran-anggaran tersebut.

4.2 Asas Penyatuan

Subsidiari-subsidiari adalah perniagaan yang dikawal oleh Syarikat. Kawalan timbul apabila Syarikat mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mentadbirkan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah perniagaan untuk memperolehi manfaat daripada kegiatan-kegiatannya. Penyata kewangan subsidiari-subsidiari dimasukkan dalam penyata kewangan yang disatukan daripada tarikh kawalan tersebut bermula sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Kumpulan telah menggunakan kedua-dua kaedah penyatuan iaitu perolehan dan penggabungan, mengikut kesesuaian.

Apabila kaedah perolehan digunakan, perbezaan antara penjelasan pembelian dan nilai wajar aset bersih yang diperolehi ditunjukkan dalam penyata kewangan sama ada sebagai muhibah atau rizab penyatuan, mengikut mana yang sesuai. Kecuali sebuah subsidiari yang disebut harga, nilai muhibah bersih dari rizab penyatuan yang timbul dari subsidiari-subsidiari yang lain, dilunaskan sepanjang 20 tahun atau jangka hayat boleh guna, yang mana lebih pendek. Muhibah yang timbul daripada penyatuan dihapus kira bila mana terdapat penyusutan nilai yang kekal.

4.2 Asas Penyatuan (sambungan)

Menurut kaedah penyatuan penggabungan perakaunan, hasil daripada subsidiari-subsidiari akan dibentangkan seolah-olah penggabungan itu telah dijalankan sepanjang tahun kewangan semasa dan yang lalu. Ketika penyatuan, perbezaan antara nilai pelaburan terbawa dan nilai biasa saham yang diperolehi dimasukkan ke rizab penggabungan.

Semua baki dan urus niaga antara syarikat dihapuskan dan penyata kewangan disatukan mencerminkan urus niaga luaran sahaja. Di mana perlu, dasar-dasar perakaunan untuk subsidiari-subsidiari telah diubah untuk memastikan keselarasan dengan dasar-dasar perakaunan yang diamalkan oleh Kumpulan.

Perbezaan antara hasil pungutan dari pelupusan subsidiari dan jumlah terbawa aset subsidiari tersebut setelah ditolak liabiliti berserta muhibah atau rizab penyatuan pada tarikh pelupusan akan diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan sebagai laba atau kerugian atas pelupusan subsidiari tersebut.

4.3 Pengiktirafan Hasil

Hasil

Hasil Syarikat adalah termasuk pendapatan dividen dan faedah.

Hasil Kumpulan terdiri daripada yang berikut:-

- jualan perniagaan pada nilai invois dan perkhidmatan yang diberikan.
- fi pengurusan, dividen, faedah dan pendapatan sewa.
- fi keahlian dari segi kemudahan pelaburan percutian kongsi masa.
- pendapatan bersih setelah tolak diskaun yang diberi dari operasi perhotelan dan tempat peranginan.
- pendapatan faedah dari pinjaman dan pendahuluan, sewa beli, pendiskaunan blok, pajakan dan aktiviti berkaitan dari segi subsidiari-subsidiari kewangan berlesen.
- nilai jualan harta tanah pembangunan yang terjual dan nilai jualan berkadar harta tanah pembangunan sehingga tahap siap.
- pembilan fi kad, fi pendahuluan tunai, hasil faedah dan hasil diskaun.

Hasil diiktiraf apabila produk telah diserahkan dan terdapat penerimaan oleh pelanggan, jika ada, atau pelaksanaan perkhidmatan bersih setelah tolak cukai jualan dan diskaun.

Pendapatan Faedah dan Pembiayaan

Pendapatan faedah dan pembiayaan subsidiari-subsidiari kewangan berlesen diiktiraf atas asas akaun kecuali untuk akaun yang tidak berbayar. Pendapatan faedah dan pembiayaan daripada sewa beli, pendiskaunan blok dan urus niaga pajakan diiktiraf mengikut kaedah jumlah digit. Pendapatan faedah dan pembiayaan daripada pinjaman perumahan dan pinjaman berpenggal diiktiraf mengikut tempoh yang telah ditetapkan sama ada bulanan ataupun harian.

Pendapatan pembiayaan dan pendahuluan dari Skim Perbankan Tanpa Faedah diiktiraf atas asas akaun menurut "Garis Panduan "Skim Perbankan Tanpa Faedah" untuk Syarikat-syarikat Kewangan (Oktober 1996)" terbitan Bank Negara Malaysia.

Apabila sesuatu akaun dikenal pasti sebagai tidak berbayar, pengiktirafan pendapatan faedah dan pembiayaan digantung sehingga ia dijelaskan secara tunai mengikut "Garis Panduan Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk, Hutang Ragu dan Hutang Substandard" (GP3) terbitan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2000. Akaun-akaun pelanggan dikenal pasti sebagai tidak berbayar apabila pembayaran balik telah tertunda enam bulan atau lebih dari hari pertama ingkar bayaran untuk akaun sewa beli, pendiskaunan blok, pajakan, pinjaman dan pendahuluan dan satu bulan dari tarikh matang untuk bil-bil penerimaan jurubank.

4.3 Pengiktirafan Hasil (sambungan)

Pendapatan Fi

Fi khidmat penyusunan pinjaman, fi pengurusan dan penyertaan serta komisyen penerimaan dan tajajamin diiktiraf sebagai hasil apabila semua syarat-syarat terdahulu telah dipenuhi. Fi daripada kegiatan khidmat penasihat dan kewangan korporat diiktiraf sebagai hasil setelah siap setiap peringkat tugas.

Jaminan dan komitmen fi yang zahir diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pembahagian masa.

Pendapatan Dividen

Dividen daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan-pelaburan lain adalah diiktiraf apabila hak pemegang-pemegang saham untuk menerima pembayaran disahkan.

Harta tanah Pembangunan dan Kerja Kontrak dalam Pelaksanaan

Keuntungan daripada penjualan harta tanah pembangunan dan kerja kontrak dalam pelaksanaan diiktiraf mengikut kaedah peratusan siap. Kerugian yang dapat diramalkan, jika ada, diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Diskaun dan Fi Pendahuluan Tunai

Hasil dari diskaun dan fi pendahuluan tunai telah diiktiraf berdasarkan penerimaan bil dari penjual. Hasil dari fi keahlian diiktiraf berdasarkan pengeluaran kad pada ahli-ahli yang diluluskan.

Fi Keahlian

Fi keahlian yang berkenaan dengan kemudahan pelaburan percutian kongsi masa diiktiraf berdasarkan 50% pada tahun pertama dan bakinya dalam tempoh masa 30 tahun.

4.4 Komisyen Sewa Beli

Komisyen sewa beli dikenakan ke atas penyata pendapatan berdasarkan kaedah jumlah digit.

4.5 Pertukaran dan Urus Niaga dalam Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukar ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira dinyatakan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran anggaran pada tarikh tersebut. Laba atau kerugian dari urus niaga dalam mata wang asing diuruskan dalam penyata pendapatan.

Untuk tujuan penyatuan, aset dan liabiliti bagi subsidiari-subsidiari luar negara ditukarkan ke dalam Ringgit Malaysia mengikut kadar tukaran pada tarikh kunci kira-kira. Penyata pendapatan ditukarkan pada kadar tukaran purata untuk tahun kewangan tersebut. Semua perbezaan dari pertukaran tersebut akan diuruskan melalui rizab perubahan pertukaran mata wang asing.

Kadar terakhir yang digunakan dalam tukaran mata wang asing adalah seperti berikut:-

	2001	2000
1 Ringgit Malaysia: Singapore Dollar	0.483	0.450
1 Ringgit Malaysia: US Dollar	0.262	0.262
1 Ringgit Malaysia: Australian Dollar	0.510	0.472
1 Ringgit Malaysia: Great Britain Pound	0.180	0.177

4.6 Susut Nilai dan Pelunasan Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian, tolak susut nilai atau pelupusan terkumpul dan kerugian kerosakan terkumpul.

Jumlah kasar terbawa harta tanah, loji dan peralatan pada awalnya telah dinilai berdasarkan kos.

Harta tanah hotel termasuk tanah dan bangunan-bangunan hotel. Di mana harta tanah hotel telah dinilai semula, jumlah kasar terbawa telah dikira pada penilaian. Adalah menjadi dasar Kumpulan untuk menilai harta tanah hotel sekali setiap lima tahun oleh penilai profesional bebas berdasarkan nilai pasaran terbuka. Lebihan yang timbul dikreditkan dalam akaun lebihan penilaian semula. Defisit diimbangi dengan akaun lebihan penilaian semula hanya setakat lebihan yang dikreditkan daripada penilaian semula yang terdahulu dan lebihan defisit dicaj ke penyata pendapatan. Selepas tarikh penilaian, tambahan kepada harta tanah hotel akan dinyatakan berdasarkan kos.

Tanah milik bebas, harta tanah hotel dan kerja pembinaan dalam pelaksanaan tidak disusut nilai.

Adalah menjadi amalan Kumpulan mengekalkan nilai harta hotel pada nilai baki yang tinggi supaya susut nilai tidak bererti. Perbelanjaan penyelenggaraan yang berkaitan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Semua harta tanah, loji dan peralatan yang lain disusutnilaikan pada kadar garis lurus untuk hapus kira kos atau penilaian aset mengikut tempoh hayat guna mereka. Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:-

Tanah dan bangunan milik pajakan	Mengikut tempoh pajakan 25 hingga 95 tahun
Bangunan	0.5% - 5%
Loji dan mesin	10% - 20%
Kenderaan bermotor	15% - 20%
Perabot, kelengkapan dan peralatan	2% - 20%
Pengubahsuaian	10% - 20%
Peralatan dan perisian komputer	20%

Pinggan mangkuk, barang-barang kaca, kutleri, kain linen dan perkakas dapur dimodalkan pada keperluan tahap minima untuk operasi biasa. Barang gantian dihapus kira pada penyata pendapatan dalam tahun kewangan ia berlaku.

Pembinaan dalam pelaksanaan diklasifikasikan sebagai harta tanah hotel setelah siap pembinaan kelak.

4.7 Permodalan Faedah

Faedah yang ditanggung atas pinjaman luar untuk membiayai aset yang sedang dilaksanakan adalah dipermodalkan sehingga aset itu sedia untuk digunakan untuk kegunaan yang dirancang selepas mana perbelanjaan tersebut dicaj ke penyata pendapatan.

4.8 Pelaburan

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan-pelaburan jangka panjang lain dinyatakan pada kos selepas tolak peruntukan untuk penyusutan nilai berkekalan, jika ada.

Pelaburan jangka pendek yang disebut harga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran, mana yang lebih rendah, yang ditentukan atas asas portfolio.

4.9 Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Syarikat mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20% dan 50% dan di mana Syarikat mempunyai pengaruh yang ketara ke atas dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Kumpulan menggunakan perakaunan ekuiti untuk mengambil kira bahagiannya dari hasil dan rizab syarikat-syarikat bersekutunya lepas pemerolehan berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit/belum diaudit.

4.10 Tanah yang Dipegang untuk Pembangunan dan Harta Tanah Pembangunan

Tanah dipegang untuk pembangunan dinyatakan pada kos atau penilaian bersama dengan perbelanjaan pembangunan yang berkenaan. Ia akan diklasifikasikan semula sebagai harta tanah pembangunan setelah kerja pembangunan bermula atas tanah tersebut. Perbelanjaan pembangunan adalah termasuk kos pembinaan dan kos-kos yang berkait termasuk faedah dan overhead pengurusan bersangkutan dengan projek-projek tersebut. Kos faedah atas pinjaman untuk membiayai projek berkenaan akan dimasukkan sebagai perbelanjaan pembangunan dari permulaan hingga ke penyiapan pembangunan.

Bahagian projek-projek harta tanah pembangunan yang jualannya telah dilancarkan dan/atau projek-projek tersebut yang dijangkakan siap dalam lingkungan pengendalian biasa yang lazimnya mengambil masa dua hingga tiga tahun akan dianggap sebagai aset semasa..

4.11 Sekuriti Pelaburan

Sekuriti pelaburan ialah sekuriti yang diperolehi dan dipegang untuk memperolehi hasil atau pertumbuhan modal atau untuk memenuhi keperluan minimum aset cair menurut Seksyen 38 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, dan biasanya dipegang hingga matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas, lain-lain Sekuriti Kerajaan, dan Sekuriti Hutang Swasta Jaminan Bank yang dipegang sebagai pelaburan dinyatakan pada kos yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau penambahan diskaun hingga tarikh matang. Sekuriti Hutang Swasta yang lain telah dinilai pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah. Sekuriti pelaburan lain pula dinyatakan pada kos dan peruntukan dibuat jika berlaku penyusutan nilai yang berkekalan.

Pindahan, jika ada, di antara sekuriti pelaburan dan sekuriti urus niaga dibuat pada nilai terendah antara kos dan nilai pasaran.

Sekuriti ekuiti yang disebut harga dinyatakan pada kos selepas ditolak peruntukan untuk penyusutan nilainya, jika ada. Sekuriti ekuiti yang tidak disebut harga dan bon-bon yang dipegang untuk pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan dibuat bagi sebarang penyusutan nilai berkekalan, jika ada.

4.12 Muhibah Yang Dibeli

Muhibah yang timbul dari pemerolehan perniagaan yang mewakili perbezaan di antara perolehan bayaran pembelian dengan nilai wajar aset bersih yang diperolehi, dinyatakan pada kos dan dilunaskan sepanjang tempoh 20 tahun.

4.13 Aset Tidak Ketara

Aset Tidak Ketara dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul.

4.13.1 Perbelanjaan Pembangunan Perisian

Perbelanjaan pembangunan perisian adalah berkait dengan kerja pembangunan yang dijalankan untuk menghasilkan pakej perisian khusus. Kos yang berkait dengan produk yang unik dan jelas dikenalpasti dan akan dikawal oleh Syarikat serta mempunyai kemungkinan kelebihan atas kos lebih dari setahun, diiktiraf sebagai perbelanjaan pembangunan perisian. Kos yang terbabit dalam pembangunan perisian yang tidak atau sudah tidak menguntungkan secara komersil akan dihapus kira kepada penyata kewangan.

Perbelanjaan pembangunan perisian yang diiktiraf sebagai aset dilunaskan pada kadar garis lurus sepanjang tempoh tiga tahun apabila aset telah sedia untuk digunakan.

4.13.2 Harta Intelektual

Harta Intelektual adalah berkait dengan hakmilik dan pengetahuan teknikal yang menjadi pelantar untuk pembinaan gerbang. Kos yang diiktiraf sebagai harta intelektual termasuklah jumlah yang dibayar oleh usaha itu pada tarikh perolehan dan mempunyai kemungkinan kelebihan atas kos lebih dari setahun. Jumlah terbawa harta intelektual disemak setiap tahun dan disesuaikan untuk kerosakan sekiranya dianggap perlu.

Harta intelektual diiktiraf sebagai aset dilunaskan pada kadar garis terus sepanjang tempoh tiga tahun apabila aset telah sedia untuk digunakan.

4.14 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih.

Kos ditentukan pada dasar masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah adalah termasuk kos pembelian asal dicampurkan dengan kos mengangkut inventori ke lokasi dan keadaannya sekarang ini. Kos kerja dalam pelaksanaan dan barangan siap adalah termasuk kos bahan mentah, buruh langsung dan sebahagian dari overhead pengeluaran. Kos harta tanah siap adalah termasuk kos tanah dan perbelanjaan pembangunan yang berkaitan.

Nilai boleh direalisasi bersih ialah harga jualan anggaran dalam keadaan perniagaan yang biasa, ditolak dengan kos penyediaan dan perbelanjaan penjualan.

4.15 Peruntukan Hutang Lapuk dan Hutang Ragu

Peruntukan khusus telah dibuat untuk hutang ragu dan pembiayaan yang telah disemak secara tersendiri dan khususnya dikenal pasti sebagai lapuk atau ragu.

Tambahan pula, untuk subsidiari-subsidiari kewangan berlesen, sebuah peruntukan am berdasarkan peratusan portfolio pinjaman dan pembiayaan juga dibuat untuk menampung kerugian yang mungkin berlaku tetapi tidak dapat dikenal pasti secara khusus.

Sesuatu pinjaman atau pembiayaan yang tidak dapat diperolehi kembali atau sebahagian daripada pinjaman dan pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai lapuk dihapus kira setelah mengambil kira nilai cagaran boleh realisasi, jika ada, di mana pada pandangan pengurusan tidak ada peluang untuk diperolehi semula.

4.15 Peruntukan Hutang Lapuk dan Hutang Ragu (sambungan)

Peruntukan hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan oleh subsidiari-subsidiari kewangan berlesen adalah selaras dengan keperluan minima Bank Negara Malaysia menurut "Garis Panduan Untuk Klasifikasi Pinjaman Tidak Terbayar dan Peruntukan Hutang Substandard, Hutang Lapuk dan Ragu." (GP3) pada 31 Disember 2000.

4.16 Jumlah yang Boleh Diperoleh Semula daripada Danaharta

Jumlah penjelasan daripada pinjaman yang dijual kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ("Danaharta") telah diterima dalam dua bahagian; semasa penjualan pinjaman tersebut ("penjelasan awal") dan semasa memperoleh semula pinjaman ("penjelasan akhir"). Jumlah penjelasan akhir mewakili bahagian lebihan di atas penjelasan awal apabila diperoleh semula pinjaman. Bahagian lebihan ini telah pun ditentukan terdahulu dan adalah kepunyaan subsidiari-subsidiari kewangan berlesen.

Perbezaan antara nilai terbawa pinjaman-pinjaman dan penjelasan awal dikenali sebagai "Jumlah yang boleh diperoleh semula dari Danaharta" di bahagian "Penghutang" dalam kunci kira-kira. Peruntukan terhadap jumlah ini dibuat untuk menggambarkan penilaian pengarah-pengarah mengenai nilai boleh direalisasi bagi penjelasan akhir pada tarikh kunci kira-kira tersebut.

4.17 Sekuriti Urus Niaga

Sekuriti urus niaga adalah sekuriti boleh niaga yang diperolehi dan dipegang dengan niat menjual semula dalam jangka pendek, dan adalah dinyatakan pada nilai mana yang lebih rendah antara harga kos dan nilai pasaran.

Pindahan, jika ada, antara sekuriti urus niaga dan sekuriti pelaburan adalah dibuat pada nilai mana yang lebih rendah antara harga kos dan nilai pasaran.

4.18 Sewa Beli dan Penyusunan Pajak

Aset-aset yang dibiayai oleh perjanjian-perjanjian sewa beli dan penyusunan pajak yang memindah milik sebahagian substansial kesemua risiko dan kelebihan pemilikan aset-aset tersebut kepada Kumpulan adalah dimodalkan sebagai harta tanah, loji dan peralatan dan hutang yang sepadan dikira sebagai liabiliti. Harta tanah, loji dan peralatan yang dimodalkan disusut nilai atas dasar yang sama dengan harta tanah, loji dan peralatan Kumpulan. Caj-caj kewangan diuntukkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian-perjanjian tersebut untuk memberikan kadar caj berkala yang malar ke atas liabiliti-liabiliti sewa beli dan pajak yang tinggal.

Pajakan-pajakan yang tidak menepati kriteria di atas dianggap sebagai pajakan-pajakan operasi dan sewaan yang berkaitan dicajkan kepada penyata pendapatan, apabila timbul.

4.19 Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti pada kadar pencukaian semasa berkenaan kesemua perbezaan masa yang ketara kecuali di mana terdapat bukti yang munasabah bahawa perbezaan-perbezaan masa ini tidak akan terakas sejauh yang nampak pada masa depan. Kelebihan cukai tertunda diiktiraf hanya bila terdapat keyakinan yang munasabah ia akan direalisasikan.

4.20 Peruntukan faedah persaraan

Sebuah subsidiari menjalankan pelan faedah persaraan yang tidak dibiayai untuk pekerja-pekerja peringkat bawahan selaras dengan satu artikel yang terkandung dalam perjanjian sekerja kolektif. Peruntukan faedah persaraan dikira berasaskan kadar gaji asas yang telah ditetapkan dan tempoh pekerjaan pekerja-pekerja.

4.21 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai dan baki di bank, overdraf bank, simpanan dan pelaburan jangka pendek lain yang berkecairan tinggi dan sedia ditukar kepada tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

5. HASIL

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Jualan barangan	70,172	83,543	-	-
Pemberian perkhidmatan	56,511	52,486	-	-
Faedah dan pendapatan pembiayaan	20,933	219,169	52	234
Pembangunan harta tanah	49,454	31,932	-	-
Pendapatan sewa	571	680	-	-
Pendapatan dividen kasar	1,889	1,994	8,874	58
	199,530	389,804	8,926	292

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

(a) Pada 14 September 2001, Syarikat memeterai Perjanjian Tambahan dengan Inisiatif Ikhlas Sdn. Bhd. ("IISB") untuk menyempurnakan Perjanjian Jual Beli bertarikh 27 April 1999 yang dimeterai antara Syarikat dengan IISB untuk pelupusan keseluruhan pemegangan saham Syarikat sebanyak 3,850,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu mewakili 70% kepentingan ekuiti dalam PCSB kepada IISB untuk penjelasan jualan berjumlah RM28.0 juta.

Pada tarikh yang sama, Syarikat memeterai satu Perjanjian Tambahan dengan PCSB untuk membatalkan dan menarik balik Perjanjian Jual Beli bertarikh 27 April 1999 yang dimeterai antara Syarikat dan PCSB sejauh mana ia berkait dengan pemerolehan oleh Syarikat akan 49% kepentingan ekuiti dalam PC Ventures Sdn. Bhd. ("PCV") daripada PCSB untuk penjelasan belian berjumlah RM14,002,584 dan untuk menyelesaikan pemerolehan oleh Syarikat akan 100% kepentingan ekuiti dalam Calmford Incorporated ("CI") daripada PCSB untuk penjelasan belian bernilai RM1.00.

(b) Kesan ke atas pelupusan subsidiari dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

(i) Kesan ke atas penyata kewangan Syarikat.

Pelupusan PCSB menyebabkan kerugian berjumlah RM91,015 berdasarkan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 Syarikat.

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

(ii) Kesan ke atas penyata kewangan disatukan

Kesan pelupusan PCSB ke atas keputusan Kumpulan untuk tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:-

	Seperti pada tarikh pelupusan berkenaan RM'000	2000 RM'000
Hasil	37,780	47,223
Kos penjualan	(33,082)	(43,149)
Untung kasar	4,698	4,074
Pendapatan operasi lain	1,040	3,837
Kos pengagihan	(1,021)	(1,739)
Perbelanjaan pentadbiran	(2,692)	(2,506)
Perbelanjaan operasi lain	-	(1,997)
Laba daripada pelupusan subsidiari	-	3,912
Keuntungan daripada operasi	2,025	5,581
Kos pembiayaan	(528)	(976)
Bahagian daripada hasil syarikat bersekutu	1,656	5,447
Keuntungan sebelum cukai	3,153	10,052
Cukai:-		
- syarikat	-	(204)
- syarikat bersekutu	(341)	(833)
Keuntungan selepas cukai	2,812	9,015
Kepentingan minoriti	6	(136)
Keuntungan bersih untuk tempoh/tahun kewangan	2,818	8,879

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

(iii) Kesan ke atas kedudukan kewangan

Kesan pelupusan subsidiari ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:-

	Seperti pada tarikh pelupusan berkenaan RM'000	2000 RM'000
Harta tanah, loji dan peralatan	27,852	30,102
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	18,055	16,693
Muhibah daripada penyatuan	264	264
Sekuriti pelaburan	143	143
Muhibah yang dibeli	1,238	1,459
Inventori	8,844	7,404
Baki antara syarikat	(69)	9,142
Belum terima	64,715	43,648
Cukai boleh diperoleh semula	-	212
Deposit dengan bank berlesen	94	207
Tunai dan baki bank	7,999	914
Rizab daripada penyatuan	(5,144)	(5,144)
Perlu bayar	(21,958)	(17,632)
Overdraf bank	(11,103)	(5,770)
Pinjaman	(27,338)	(17,922)
Cukai	(154)	(240)
Kepentingan minoriti	(1,451)	(1,457)
	<hr/>	<hr/>
Aset bersih	61,987	62,023
Dikekalkan sebagai subsidiari-subsidiari	5,199	<hr/>
Kepentingan minoriti	(19,120)	<hr/>
	<hr/>	<hr/>
Muhibah yang direalisasikan daripada pelupusan subsidiari	48,066	<hr/>
	6,104	<hr/>
	<hr/>	<hr/>
Bahagian aset bersih telah dilupuskan Kutipan daripada pelupusan	54,170	<hr/>
	28,000	<hr/>
	<hr/>	<hr/>
Kerugian daripada pelupusan subsidiari	(26,170)	<hr/>

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

(iv) Kesan ke atas penyata aliran tunai Kumpulan

	Seperti pada tarikh pelupusan berkenaan RM'000
Kutipan keseluruhan daripada pelupusan Tunai dan kesetaraan tunai negatif subsidiari yang dilupuskan	28,000 3,113
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai hasil daripada pelupusan subsidiari	31,113

(c) Sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya, Kumpulan telah melupuskan:-

- (i) Southern Finance Berhad (dahulu dikenali sebagai United Merchant Finance Berhad)("SFB"), sebuah subsidiari milik penuh United Merchant Group Berhad ("UMG") yang beroperasi dalam segmen perkhidmatan kewangan telah dilupuskan pada 8 Jun 2000 untuk penjelasan tunai berjumlah RM420,000,000. Akibat daripada pelupusan ini, UMG telah berhenti terlibat dalam perniagaan syarikat kewangan, pekhidmatan nomini dan pelaburan harta tanah. SFB beroperasi sebahagian besarnya di Malaysia.
- (ii) Kepentingan ekuiti UMG sebanyak 50.1% dalam Southern Investment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai Perdana Merchant Bankers Berhad)("SIBB"), sebuah subsidiari yang beroperasi dalam perkhidmatan perbankan saudagar telah dilupuskan pada 18 Disember 2000 untuk penjelasan tunai berjumlah RM24,798,748. UMG sebelum ini memegang 70.1% kepentingan ekuiti dalam SIBB. Akibat daripada pelupusan ini, UMG telah berhenti terlibat dalam perbankan saudagar, pekhidmatan nomini dan pelaburan harta tanah. Namun, UMG terus memegang 20% kepentingan ekuiti dalam SIBB dan sehubungan itu, menganggap SIBB sebagai sebuah syarikat bersekutu. SIBB beroperasi sebahagian besarnya di Malaysia.
- (iii) Kepentingan ekuiti PCSB sebanyak 51.0% dalam subsidiari milik penuhnya, PCV telah dilupuskan pada 1 Oktober 2000 untuk penjelasan tunai berjumlah RM20,910,000. PCSB terus memegang 49% kepentingan ekuiti dalam PCV dan sehubungan itu, menganggap PCV sebagai sebuah syarikat bersekutu.

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

(d) Kesan pelupusan subsidiari-subsidiari dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000

(i) Kesan ke atas keputusan kewangan

Kesan pelupusan subsidiari-subsidiari ke atas keputusan Kumpulan untuk tahun kewangan sebelumnya adalah seperti berikut:-

	PCV RM'000	SFB & SIBB RM'000	Seperti pada tarikh pelupusan berkenaan RM'000
Hasil	877	209,002	209,879
Kos penjualan	(6)	(92,630)	(92,636)
Pendapatan faedah bersih	871	116,372	117,243
Pendapatan daripada Skim Perbankan Islam	-	12,937	12,937
Kerugian dan peruntukan pinjaman dan pembiayaan	-	(33,051)	(33,051)
Pendapatan bukan faedah	871	96,258	97,129
Bahagian daripada hasil syarikat bersekutu	-	25,140	25,140
	4,459	-	4,459
Pendapatan bersih	5,330	121,398	126,728
Perbelanjaan overhead	-	(43,572)	(43,572)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	5,330	77,826	83,156
Cukai	(207)	(20,112)	(20,319)
Zakat	-	(19)	(19)
Keuntungan daripada aktiviti biasa selepas cukai	5,123	57,695	62,818
Kepentingan minoriti	-	(350)	(350)
Keuntungan bersih untuk tempoh kewangan	5,123	57,345	62,468

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

(ii) Kesan ke atas kedudukan kewangan

Kesan pelupusan subsidiari-subsidiari ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:-

	PCV RM'000	SFB & SIBB RM'000	Seperti pada tarikh pelupusan berkenaan RM'000
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	44,731	-	44,731
Sekuriti pelaburan	-	1,320,778	1,320,778
Harta tanah, loji dan peralatan	-	55,868	55,868
Deposit berkanun dengan BNM	-	213,270	213,270
Sekuriti urus niaga	-	51,653	51,653
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	4,340,979	4,340,979
Aset lain	-	105,227	105,227
Deposit dengan institusi kewangan	1,024	65,000	66,024
Tunai dan dana jangka pendek	2	361,630	361,632
Perlu bayar	(3)	-	(3)
Sekuriti dijual di bawah perjanjian beli balik	-	(100,680)	(100,680)
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	-	(650,105)	(650,105)
Deposit daripada pelanggan	-	(5,148,225)	(5,148,225)
Pinjaman jangka pendek	-	(733)	(733)
Liabiliti lain	-	(93,115)	(93,115)
Pinjaman subordinat tidak bercagar	-	(15,000)	(15,000)
Sijil deposit subordinat dan pinjaman modal	-	(50,000)	(50,000)
Cukai	-	(29,060)	(29,060)
Baki antara syarikat	(12,425)	-	(12,425)
Kepentingan minoriti	-	(2,616)	(2,616)
	<hr/>		
	33,329	424,871	458,200
Dikekalkan sebagai syarikat-syarikat bersekutu	(16,331)	(9,364)	(25,695)
Kepentingan minoriti	-	(13,998)	(13,998)
	<hr/>		
	16,998	401,509	418,507
Muhibah yang direalisasikan daripada pelupusan subsidiari-subsidiari	-	110,311	110,311
	<hr/>		
Bahagian aset bersih telah dilupuskan	16,998	511,820	528,818
Kutipan daripada pelupusan	20,910	444,799	465,709
	<hr/>		
Laba/(kerugian) daripada pelupusan subsidiari-subsidiari	3,912	(67,021)	(63,109)

6. PELUPUSAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

(iii) Kesan ke atas penyata aliran tunai Kumpulan

	Seperti pada tarikh pelupusan berkenaan RM'000
Kutipan keseluruhan daripada pelupusan Tunai dan kesetaraan tunai subsidiari-subsidiari yang dilupuskan	465,709 (427,656)
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai hasil daripada pelupusan subsidiari-subsidiari	<hr/> 38,053 <hr/>

7. PERUNTUKAN PENGURANGAN NILAI PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Peruntukan pengurangan nilai pelaburan				
- subsidiari disebut harga (Nota 12)	-	-	-	157,346
- sekuriti pelaburan tidak disebut harga (Nota 15)	-	13,383	-	13,383
	<hr/> -	<hr/> 13,383	<hr/> -	<hr/> 170,729 <hr/>

8. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Kerugian sebelum cukai telah diperolehi:-				
Selepas mengecaj:-				
Pelunasan muhibah yang dibeli	79	157	-	-
Pelunasan aset tidak ketara	499	-	-	-
Imbuan juruaudit				
- syarikat induk	50	50	50	50
- subsidiari-subsiari	353	409	-	-
- kurangan peruntukan pada tahun sebelumnya	64	9	25	20
Hapus kira hutang lapuk	264	722	-	-
Hapus kira deposit	-	17	-	-
Susut nilai/pelunasan (Nota 11)	14,046	17,156	44	134
Imbuan pengarah				
- Fi	438	537	144	144
- Emolumen lain	2,121	2,207	-	-
Hapus kira harta tanah, loji dan peralatan	133	93	53	-
Perbelanjaan faedah				
- Overdraf bank	577	2,654	-	2,066
- Sewa beli dan pajakan	961	1,055	-	-
- pinjaman stok boleh tukar	12,731	8,562	12,731	8,562
- pinjaman stok boleh tebus	12,996	8,674	12,996	8,674
- pinjaman	4,185	12,775	-	4,839
- kredit berpusing	365	-	-	-
- pendahuluan daripada subsidiari-subsiari	-	-	1,977	1,926
- pendahuluan kepada subsidiari-subsiari	-	-	(3,171)	(1,797)
- lain-lain	498	5,272	-	-
Sewa pajakan	37	67	-	-
Kerugian daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	12	3	-	-
Kerugian daripada pelupusan pelaburan	44	498	-	-
Peruntukan faedah persaraan	264	-	-	-
Kerugian daripada pertukaran mata wang asing				
- tidak direalisasikan	64	4,662	-	-
- direalisasikan	1	-	1	-
Peruntukan hutang ragu	1,019	1,144	3,324	2
Peruntukan jumlah yang boleh diperolehi semula daripada Danaharta	-	6,847	-	-
Peruntukan kerugian kredit	-	1,035	-	-
Perbelanjaan sewa				
- premis	7,401	12,880	267	322
- peralatan	19	413	-	-
- lain-lain	49	-	-	-
Hapus kira inventori	634	-	-	-

8. KERUGIAN SEBELUM CUKAI (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Dan mengkredit:-				
Pertambahan rizab bersih daripada penyatuan	451	319	-	-
Hutang lapuk dan pembiayaan yang diperoleh semula	185	838	-	-
Laba daripada pelupusan				
- harta tanah, loji dan peralatan	318	3,185	-	-
- pelaburan disebut harga	-	5,311	-	-
- lain-lain	-	385	-	-
Laba daripada pertukaran mata wang asing				
- tidak direalisasikan	72	7,801	-	-
- direalisasikan	83	291	-	-
Pendapatan dividen kasar daripada Malaysia				
- subsidiari disebut harga	-	-	7,961	-
- syarikat bersekutu	504	264	855	-
- pelaburan tidak disebut harga	1,137	1,269	-	-
- pelaburan disebut harga	248	726	58	58
Pendapatan faedah				
- deposit tetap	595	1,582	52	234
- lain-lain	460	449	-	-
Kemasukan semula peruntukan caj perkhidmatan	211	-	-	-
Kemasukan semula peruntukan kerosakan	120	-	-	-
Pendapatan sewa	2,569	2,291	-	-
Kemasukan semula peruntukan harta tanah, loji dan peralatan	123	-	-	-
Kemasukan semula perbelanjaan faedah	14,549	-	14,549	-
Kemasukan semula peruntukan pengurangan nilai pelaburan	-	3,885	-	-
Kemasukan semula peruntukan hutang ragu	5	180	-	-

Anggaran nilai wang bagi manfaat lain yang diterima oleh pengarah-pengarah Syarikat dan subsidiari-subsidiari yang tidak dimasukkan di atas dianggarkan berjumlah RM26,008 (2000 : RM34,050) bagi Syarikat dan RM113,008 (2000 : RM170,050) bagi Kumpulan.

9. **Cukai**

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Cukai mengikut keuntungan tahun kewangan:-				
Cukai pendapatan Malaysia	8,333	25,389	2,290	309
Cukai luar negara	136	-	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8,469	25,389	2,290	309
Pindahan daripada cukai tertunda (Nota 32)	(72)	(268)	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8,397	25,121	2,290	309
Peruntukan cukai terkurang/(terlebih) berkenaan dengan tahun-tahun sebelumnya	36	(5,031)	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8,433	20,090	2,290	309
Bahagian daripada cukai syarikat bersekutu	544	3,270	-	-
Zakat	-	19	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8,977	23,379	2,290	309

Kadar cukai efektif bagi Kumpulan untuk tahun kewangan semasa adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun terutamanya kerana perbelanjaan-perbelanjaan tertentu yang tidak boleh ditolak untuk tujuan pencukaian dan ketiadaan cukai pengecualian kumpulan di mana kerugian cukai subsidiari-subsidiari tertentu tidak boleh diimbangi dengan pendapatan kena cukai ke atas subsidiari-subsidiari lain.

Peruntukan cukai bagi Syarikat pada tahun kewangan semasa adalah berkenaan dengan pendapatan dividen yang diterima.

10. **KERUGIAN SEUNIT STOK**

Kerugian asas seunit stok dikira berdasarkan kepada kerugian bersih Kumpulan untuk tahun kewangan berjumlah RM28,536,414 (2000 : RM85,587,735) dibahagikan dengan unit stok terbitan semasa tahun kewangan berjumlah 337,793,619 (2000: 337,793,619).

11. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan 2001	Baki pada 1.1.2001 RM'000	Penilaian semula/ Tambahkan RM'000	Pelupusan RM'000	Peng- klasifikasian semula RM'000	Pelarasan pertukaran matawang asing RM'000	Meng- hapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2001 RM'000
Kos melainkan dinyatakan sebaliknya							
Tanah dan bangunan milik bebas	23,522	18	(13,687)	-	(666)	-	9,187
Harta tanah hotel							
- pada penilaian	155,800	-	-	-	-	-	155,800
- pada kos	72,018	894	-	-	(764)	-	72,148
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka panjang	59,687	2,076	-	(1,674)	-	-	60,089
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka pendek	60	-	(60)	-	-	-	-
Loji dan mesin	30,584	786	(15,145)	-	(888)	-	15,337
Kenderaan bermotor	7,881	554	(1,760)	-	(11)	-	6,664
Perabot, kelengkapan dan peralatan	54,255	2,930	(1,251)	(511)	(120)	(10)	55,293
Pengubahsuaian	3,692	1,077	(1,169)	-	-	(848)	2,752
Pinggan mangkuk, barang- barang kaca, kutleri, kain linen dan perkakas dapur	2,200	154	-	2,185	-	-	4,539
Peralatan dan perisian komputer	19,419	534	-	-	-	(319)	19,634
	429,118	9,023	(33,072)	-	(2,449)	(1,177)	401,443

	Baki pada 1.1.2001 RM'000	Caj pada tahun kewangan RM'000	Pelupusan RM'000	Peng- klasifikasian semula RM'000	Pelarasan pertukaran matawang asing RM'000	Meng- hapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2001 RM'000
Susut Nilai Terkumpul							
Tanah dan bangunan milik bebas	1,137	189	(1,245)	-	-	-	81
Harta tanah hotel	-	-	-	-	-	-	-
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka panjang	3,992	2,218	-	(1,229)	-	-	4,981
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka pendek	14	1	(15)	-	-	-	-
Loji dan mesin	14,138	2,029	(7,429)	-	(270)	-	8,468
Kenderaan bermotor	6,488	635	(1,411)	-	(5)	-	5,707
Perabot, kelengkapan dan peralatan	25,938	4,267	(642)	681	(34)	(8)	30,202
Pengubahsuaian	2,185	282	(345)	-	-	(795)	1,327
Pinggan mangkuk, barang- barang kaca, kutleri, kain linen dan perkakas dapur	93	465	-	548	-	-	1,106
Peralatan dan perisian komputer	11,809	3,960	-	-	-	(84)	15,685
	65,794	14,046	(11,087)	-	(309)	(887)	67,557

11. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Kumpulan 2000	Baki pada 1.1.2000 RM'000	Penyah- penyatuan subsidiari RM'000	Penilaian semula/ Tambahkan RM'000	Pe- lupusan RM'000	Pindah dari/ (ke) RM'000	Pelarasan pertukaran mata wang asing RM'000	Meng- hapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2000 RM'000
Kos melainkan dinyatakan sebaliknya								
Tanah dan bangunan milik bebas	58,401	(276)	9,316	(42,764)	-	(1,155)	-	23,522
Harta tanah hotel								
- pada penilaian	-	-	50,784	-	105,016	-	-	155,800
- pada kos	179,450	-	1,784	-	(105,016)	(4,200)	-	72,018
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka panjang	75,728	(36,730)	2,360	(4,636)	22,965	-	-	59,687
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka pendek	60	-	-	-	-	-	-	60
Loji dan mesin	50,476	(18,191)	1,766	(1,689)	-	(1,747)	(31)	30,584
Kenderaan bermotor	11,187	(196)	666	(3,747)	-	(29)	-	7,881
Perabot, kelengkapan dan peralatan	82,996	(2,207)	6,171	(31,513)	(14)	(484)	(694)	54,255
Pengubahsuaian	21,889	-	318	(18,168)	-	-	(347)	3,692
Pinggan mangkuk, barang-barang kaca, kutleri, kain linen dan perkakas dapur	1,979	-	221	-	-	-	-	2,200
Peralatan dan perisian komputer	18,855	-	550	-	14	-	-	19,419
Pembinaan dalam pelaksanaan	17,272	-	5,693	-	(22,965)	-	-	-
	518,293	(57,600)	79,629	(102,517)	-	(7,615)	(1,072)	429,118

Susut Nilai Terkumpul	Baki pada 1.1.2000 RM'000	Penyah- penyatuan subsidiari RM'000	Caj pada tahun keuangan RM'000	Pe- lupusan RM'000	Pindah dari/ (ke) RM'000	Pelarasan pertukaran mata wang asing RM'000	Meng- hapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2000 RM'000
Tanah dan bangunan milik bebas	1,966	-	319	(1,138)	-	(10)	-	1,137
Harta tanah hotel	-	-	-	-	-	-	-	-
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka panjang	6,751	(2,893)	1,022	(734)	-	(154)	-	3,992
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka pendek	12	-	2	-	-	-	-	14
Loji dan mesin	18,707	(6,057)	2,386	(599)	-	(291)	(8)	14,138
Kenderaan bermotor	8,727	(196)	1,207	(3,240)	-	(10)	-	6,488
Perabot, kelengkapan dan peralatan	42,371	(1,136)	7,473	(21,526)	-	(620)	(624)	25,938
Pengubahsuaian	12,914	-	906	(11,288)	-	-	(347)	2,185
Pinggan mangkuk, barang-barang kaca, kutleri, kain linen dan perkakas dapur	64	-	29	-	-	-	-	93
Peralatan dan perisian komputer	7,859	-	3,950	-	-	-	-	11,809
Pembinaan dalam pelaksanaan	-	-	-	-	-	-	-	-
	99,371	(10,282)	17,294	(38,525)	-	(1,085)	(979)	65,794

11. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Syarikat 2001	Baki pada 1.1.2001 RM'000	Tambahan RM'000	Menghapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2001 RM'000
Kos				
Kenderaan bermotor	195	-	-	195
Perabot, kelengkapan dan peralatan	798	7	-	805
Pengubahsuaian	848	-	(848)	-
	1,841	7	(848)	1,000

	Baki pada 1.1.2001 RM'000	Caj untuk tahun keuangan RM'000	Menghapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2001 RM'000
Susut nilai terkumpul				
Kenderaan bermotor	194	1	-	195
Perabot, kelengkapan dan peralatan	694	30	-	724
Pengubahsuaian	782	13	(795)	-
	1,670	44	(795)	919

Syarikat 2000	Baki pada 1.1.2000 RM'000	Tambahan RM'000	Menghapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2000 RM'000
Kos				
Kenderaan bermotor	195	-	-	195
Perabot, kelengkapan dan peralatan	797	1	-	798
Pengubahsuaian	848	-	-	848
	1,840	1	-	1,841

	Baki pada 1.1.2000 RM'000	Caj untuk tahun keuangan RM'000	Menghapus kira RM'000	Baki pada 31.12.2000 RM'000
Susut nilai terkumpul				
Kenderaan bermotor	193	1	-	194
Perabot, kelengkapan dan peralatan	628	66	-	694
Pengubahsuaian	715	67	-	782
	1,536	134	-	1,670

11. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Nilai buku bersih				
Tanah dan bangunan milik bebas	9,106	22,385	-	-
Harta tanah hotel				
- pada penilaian	155,800	155,800	-	-
- pada kos	72,148	72,018	-	-
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka panjang	55,108	55,695	-	-
Tanah dan bangunan milik pajakan jangka pendek	-	46	-	-
Loji dan mesin	6,869	16,446	-	-
Kenderaan bermotor	957	1,393	-	1
Perabot, kelengkapan dan peralatan	25,091	28,317	81	104
Pengubahsuaian	1,425	1,507	-	66
Pinggan mangkuk, barang-barang kaca, kutleri, kain linen dan perkakas dapur	3,433	2,107	-	-
Peralatan dan perisian komputer	3,949	7,610	-	-
	333,886	363,324	81	171

Harta tanah hotel tertentu berjumlah RM155,800,000 (2000 : RM155,800,000) telah dicagarkan kepada institusi kewangan sebagai jaminan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Syarikat, di mana kemudahan ini telah distrukturkan semula melalui satu penerbitan stok pinjaman boleh tebus dan boleh tukar oleh Syarikat, kedua-duanya dengan waran boleh pisah seperti yang dinyatakan dalam Nota 29 kepada Penyata Kewangan.

Tanah dan bangunan milik bebas, harta tanah hotel dan tanah dan bangunan milik pajakan tertentu Kumpulan masing-masing berjumlah RM8,105,000 (2000 : RM21,369,000), RM72,148,000 (2000 : RM72,018,000) dan RM1,230,000 (2000 : RM1,107,000) dicaj kepada institusi kewangan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada subsidiari-subsidiari.

Hakmilik strata untuk harta tanah hotel Kumpulan pada kos RM29,560,933 (2000 : RM29,553,533) masih belum dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Harta tanah hotel Kumpulan telah dinilai semula oleh para pengarah pada 31 Disember 2000 berdasarkan penilaian yang dikendalikan oleh sebuah firma penilai professional bebas, menggunakan asas nilai pasaran terbuka.

Aset-aset yang telah dinilai semula dibawa pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosakan terkumpul, jumlah yang dibawa adalah seperti berikut:-

	Kos RM'000	Susutnilai terkumpul RM'000	Nilai buku bersih RM'000
2001			
Harta tanah hotel	105,903	-	105,903
	105,903	-	105,903
2000			
Harta tanah hotel	105,016	-	105,016
	105,016	-	105,016

11. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan Kumpulan adalah aset yang dibiayai melalui perjanjian sewa beli dan pajakan pembiayaan pada nilai buku bersih seperti berikut:-

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
(a) Sewa beli		
Loji dan mesin	-	1,112
Kenderaan bermotor	221	615
Perabot, kelengkapan dan peralatan	138	176
Peralatan dan perisian komputer	459	1,147
	818	3,050
(b) Pajakan pembiayaan		
Loji dan mesin	229	323
Perabot, kelengkapan dan peralatan	-	16
Peralatan dan perisian komputer	1,483	3,173
	1,712	3,512
	2,530	6,562

12. KEPENTINGAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Saham disebut harga – pada kos	593,602	593,602
Peruntukan pengurangan nilai (Nota 7)	(157,346)	(157,346)
	436,256	436,256
Saham tidak disebut harga – pada kos	207,121	235,212
Peruntukan pengurangan nilai	(30,976)	(30,976)
	176,145	204,236
	612,401	640,492
Nilai pasaran bagi saham disebut harga	214,949	117,824

12. KEPENTINGAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

Butir-butir subsidiari-subsidiari dibentangkan dalam Nota 43 kepada Penyata Kewangan.

Sebahagian daripada saham-saham sebuah subsidiari disebut harga dan sebuah subsidiari tidak disebut harga pada kos RM573,664,648 (2000 : RM573,664,648) dan RM117,774,306 (2000 : RM117,774,306) masing-masing telah dicagarkan kepada institusi kewangan sebagai jaminan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Syarikat dan Kumpulan, di mana kemudahan ini telah distrukturkan semula melalui satu penerbitan stok pinjaman boleh tebus dan boleh tukar oleh Syarikat pada tahun kewangan sebelumnya, kedua-duanya dengan waran boleh pisah seperti yang dinyatakan dalam Nota 29 kepada Penyata Kewangan.

Pada tarikh kunci kira-kira, nilai terbawa bagi pelaburan dalam subsidiari disebut harga, UMG berjumlah RM436,256,000 (2000 : RM436,256,000) adalah melebihi aset ketara bersih dan nilai pasarannya masing-masing berjumlah RM98,437,000 (2000 : RM100,696,000) dan RM221,307,000 (2000 : RM318,432,000). Para pengarah berpendapat bahawa tiada peruntukan lanjut diperlukan kerana tidak terdapat penurunan nilai jangka masa panjang untuk nilai terbawa bagi pelaburan dalam UMG.

Pada 9 September 1999, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad melantik Pentadbir-Pentadbir Khas ("SA") bagi menguruskan aset dan hal ehwal Advance Synergy Furniture Sdn. Bhd. ("ASF"), sebuah subsidiari milik penuh Syarikat. Dengan perlantikan SA, pengarah-pengarah tidak berada dalam posisi untuk melaksanakan kawalan efektif ke atas ASF. Maka ASF telah dinyahpenyatuan dari kedudukan kewangannya bermula 1 Januari 2000 dan dianggap sebagai pelaburan pada kos, tolak peruntukan pengurangan nilai.

Satu Notis Petisyen Penggulangan bertarikh 8 April 2000 telah dihantARSERAH kepada sebuah subsidiari, Syarikat Fit and Weld Engineering (M) Sdn. Bhd. (Penyelesai Sementara Dilantik)("SFWE"), pada 15 Ogos 2000 oleh Kerajaan Malaysia berkenaan hutang berjumlah RM136,354 yang timbul daripada kegagalan membayar cukai pendapatan oleh SFWE. SFWE ialah subsidiari yang dimiliki 70% oleh Nagapura Management Corporation Sdn. Bhd., yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat. Satu Perintah Penggulangan telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur melalui satu Petisyen terhadap SFWE. Perintah Penggulangan oleh Mahkamah tersebut bertarikh 15 September 2000 dan telah dihantARSERAH pada 16 November 2001 oleh Kerajaan Malaysia. SFWE tidak akan mendapatkan nasihat guaman untuk mengenePikan Perintah Penggulangan oleh Mahkamah.

Tiada kerugian dijangkakan dan tiada wujud kesan kewangan dan operasi terhadap Kumpulan kerana pelaburan dalam SFWE telah dihapus kira dan SFWE telah menghentikan operasi sejak 1999.

13. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Saham tidak disebut harga - pada kos	50,244	27,755	32,027	19,777
Bahagian Kumpulan daripada keputusan selepas perolehan	34,551	43,481	-	-
	<u>84,795</u>	<u>71,236</u>	<u>32,027</u>	<u>19,777</u>

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu diwakili oleh:-

	2001 RM'000	2000 RM'000
Bahagian aset bersih selain daripada muhibah	<u>84,795</u>	<u>71,236</u>

13. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (sambungan)

Butir-butir syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 43 kepada Penyata Kewangan.

Sepanjang tahun kewangan:-

- (a) Kumpulan telah memperoleh sejumlah 7,915,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu mewakili lebih kurang 23.77% saham modal diterbitkan dan berbayar Powernet Industries Sdn. Bhd. ("PISB") untuk jumlah penjelasan tunai RM12,664,000 seperti yang dinyatakan dalam Nota 44(vi) kepada Penyata Kewangan.
- (b) Sehubungan pelupusan 70% kepentingan ekuiti dalam PCSB, pelaburan dalam syarikat bersekutu, PCV, secara efektifnya dilupuskan sepertimana yang didedahkan dalam Nota 6(a) kepada Penyata Kewangan.

Di dalam tahun kewangan sebelumnya, kepentingan ekuiti tidak langsung untuk Teck See Plastic Sdn. Bhd. telah dikurangkan daripada 22.1% kepada 10.8% yang berpunca daripada pelupusan separa sebuah subsidiari tidak langsung, PCV, sepertimana yang dirujuk dalam Nota 6(c)(iii) kepada Penyata Kewangan.

Saham-saham tidak disebut harga sebuah syarikat bersekutu Kumpulan dan Syarikat pada kos RM16,669,290 (2000: RM16,669,290) telah dicagarkan kepada sebuah subsidiari disebut harga untuk memastikan keseimbangan baki syarikat.

14. TANAH YANG DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN

	Kumpulan	
	2001	2000
	RM'000	RM'000
Tanah milik pajakan jangka panjang		
- pada penilaian	9,296	9,296
- pada kos	327	327
Perbelanjaan pembangunan	4,151	4,122
	13,774	13,745

Kesemua tanah milik pajakan jangka panjang yang dipegang untuk pembangunan Kumpulan telah dicagarkan kepada institusi kewangan sebagai jaminan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Syarikat dan sebuah subsidiari, di mana kemudahan ini telah distrukturkan semula melalui satu penerbitan stok pinjaman boleh tebus dan boleh tukar, kedua-duanya dengan waran boleh pisah seperti yang dinyatakan dalam Nota 29 kepada Penyata Kewangan.

Tanah milik pajakan yang dipegang untuk pembangunan pada penilaian Kumpulan telah dinilai semula berdasarkan nilai pasaran terbuka dalam tahun 1981 dan 1983. Penilaian telah dibuat oleh para pengarah berdasarkan penilaian yang telah dikendalikan oleh firma penilai profesional. Sehingga sekarang, penilaian semula tersebut masih belum dikemas kini.

15. SEKURITI PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Sekuriti Disebut Harga				
Di Malaysia:-				
Saham	4,458	4,458	4,458	4,458
Di luar Malaysia:-				
Saham dinyatakan pada kos	27,558	27,558	-	-
Peruntukan pengurangan nilai	(23,448)	(23,448)	-	-
	4,110	4,110	-	-
	<u>8,568</u>	<u>8,568</u>	<u>4,458</u>	<u>4,458</u>
Sekuriti Tidak Disebut Harga				
Di Malaysia:-				
Saham dinyatakan pada kos	52,662	52,662	52,658	52,658
Peruntukan pengurangan nilai	(17,483)	(17,483)	(17,483)	(17,483)
	35,179	35,179	35,175	35,175
Pelaburan lain	-	143	-	-
	35,179	35,322	35,175	35,175
Di luar Malaysia:-				
Saham	9,644	10,179	-	-
	<u>44,823</u>	<u>45,501</u>	<u>35,175</u>	<u>35,175</u>
	<u>53,391</u>	<u>54,069</u>	<u>39,633</u>	<u>39,633</u>
Nilai pasaran:-				
Saham disebut harga di Malaysia	3,587	3,470	3,587	3,470
Saham disebut harga di luar Malaysia	9,564	11,277	-	-

Sekuriti disebut harga Syarikat telah dicagarkan kepada institusi kewangan sebagai jaminan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Syarikat, di mana kemudahan ini telah distrukturkan semula melalui satu penerbitan stok pinjaman boleh tebus dan boleh tukar, kedua-duanya dengan waran boleh pisah seperti yang dinyatakan dalam Nota 29 kepada Penyata Kewangan.

Sekuriti tidak disebut harga Syarikat di Malaysia meliputi saham-saham pada nilai terbawa RM35,175,000 (2000: RM35,175,000) telah dicagarkan kepada sebuah subsidiari disebut harga untuk menjamin keseimbangan baki antara syarikat.

16. MUHIBAH DARIPADA PENYATUAN

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Muhibah bersih rizab hasil daripada penyatuan:-		
Baki pada 1 Januari	94,535	209,940
Muhibah/(Rizab) yang timbul daripada subsidiari-subsidiari yang diperoleh semasa tahun kewangan	2,409	(5,413)
Muhibah direalisasikan daripada pelupusan subsidiari-subsidiari	(6,368)	(110,311)
	90,576	94,216
Pertambahan semasa tahun kewangan	451	319
	91,027	94,535
	91,027	94,535

17. MUHIBAH YANG DIBELI

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Baki pada 1 Januari	1,459	1,806
Pelarasan pertukaran mata wang asing	(123)	(190)
	1,336	1,616
Pelunasan semasa tahun kewangan	(79)	(157)
	1,257	1,459
	1,257	1,459

18. ASET TIDAK KETARA

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Harta intelektual		
Baki pada 1 Januari	800	-
Timbul daripada modal saham yang diterbitkan	-	800
Pelunasan semasa tahun kewangan	(267)	-
	533	800
Baki pada 31 Disember	533	800
Perbelanjaan pembangunan perisian		
Baki pada 1 Januari	697	-
Dipermodalkan semasa tahun/tempoh kewangan	-	697
Pelunasan semasa tahun kewangan	(232)	-
	465	697
Baki pada 31 Disember	465	697
	998	1,497
	998	1,497

18. ASET TIDAK KETARA (sambungan)

Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan perisian yang ditanggung semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	Kumpulan	
	2001	2000
	RM'000	RM'000
Susut nilai	-	138
Kos kakitangan	-	213
	<hr/>	<hr/>

19. HARTA TANAH PEMBANGUNAN DAN PERBELANJAAN

	Kumpulan	
	2001	2000
	RM'000	RM'000
Tanah milik pajakan - pada kos	19,975	23,005
Perbelanjaan pembangunan	92,933	76,217
Keuntungan punca	10,026	6,165
	<hr/>	<hr/>
Tolak: Bil progres	(122,934)	(105,387)
	(68,447)	(52,660)
	<hr/>	<hr/>
	54,487	52,727
	<hr/>	<hr/>

Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan ialah faedah yang dipermodalkan dan perbelanjaan sewa kilang masing-masing berjumlah RM1,272,996 (2000: RM1,991,661) dan RM273,300 (2000: RM21,930).

Beberapa tanah milik pajakan tertentu yang sedang dibangunkan telah dicajkan kepada institusi-institusi kewangan sebagai jaminan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada sebuah subsidiari.

20. INVENTORI

	Kumpulan	
	2001	2000
	RM'000	RM'000
Pada kos:-		
Harta tanah pembangunan yang telah siap	10,104	10,573
Bahan mentah	1,289	3,727
Kerja dalam pelaksanaan	641	870
Barangan siap	1,459	3,043
Makanan dan minuman	459	980
Bekalan operasi	617	280
	<hr/>	<hr/>
	14,569	19,473
	<hr/>	<hr/>

20. INVENTORI (sambungan)

Tiada inventori yang dinyatakan pada nilai boleh realisasi bersih.

Inventori tertentu harta tanah pembangunan yang telah siap pada nilai RM7,591,000 (2000 : RM7,591,000) telah dicagarkan kepada institusi kewangan sebagai jaminan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Syarikat, di mana kemudahan ini telah distrukturkan semula melalui satu penerbitan stok pinjaman boleh tebus dan boleh tukar, kedua-duanya dengan waran boleh pisah seperti yang dinyatakan dalam Nota 29 kepada Penyata Kewangan.

Inventori tertentu harta tanah pembangunan yang telah siap pada nilai RM2,513,000 (2000 : RM2,982,000) telah dicagarkan kepada institusi kewangan untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada subsidiari-subsidiari.

21. BELUM TERIMA

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Jumlah terhutang daripada subsidiari-subsidiari	-	-	273,601	265,230
Peruntukan hutang ragu	-	-	(73,824)	(70,524)
	-	-	199,777	194,706
Jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu	15,294	28,056	27	-
Belum terima perdagangan	32,753	47,968	-	-
Peruntukan hutang ragu	(2,744)	(4,701)	-	-
	30,009	43,267	-	-
Belum terima lain, deposit dan prabayar	98,196	79,980	31,053	11,114
Peruntukan hutang ragu	(709)	(731)	(46)	(23)
	97,487	79,249	31,007	11,091
Jumlah yang boleh diperolehi semula daripada Danaharta	-	72,497	-	-
Peruntukan hutang ragu	-	(37,416)	-	-
Jumlah yang dilupuskan	-	(35,081)	-	-
	-	-	-	-
	142,790	150,572	230,811	205,797

21. BELUM TERIMA (sambungan)

Termasuk dalam jumlah yang terhutang daripada subsidiari-subsidiari adalah baki berjumlah RM19,102,000 (2000 : RM15,932,000) yang tiada jaminan, dengan faedah 9% (2000: 9%) setahun dan tiada pembayaran tetap.

Termasuk dalam jumlah yang terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu adalah satu Pinjaman Subordinat Tidak Bercagar ("USL") sebanyak RM15 juta (2000: RM15 juta) yang diberikan oleh sebuah subsidiari disebut harga pada 3 Februari 2000, kepada SIBB sebagai pembayaran balik sebuah Pinjaman Modal Subordinat Boleh Ubah berjumlah RM50 juta sedia ada yang diberikan oleh Danamodal Nasional Berhad. USL tersebut dikenakan faedah pada kadar 7.0% setahun dan perlu dibayar semula melalui 5 ansuran sama rata berjumlah RM3 juta setiap satu, dengan ansuran pertama dibayar pada hari terakhir dalam tempoh 3 tahun bermula dari tarikh pengambilan dan setiap ansuran yang berikutnya perlu dibayar pada hari yang sama untuk setiap tahun yang berikutnya sehingga pinjaman tersebut dibayar balik atau diselesaikan sepenuhnya. Baki jumlah yang terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu adalah tanpa jaminan, tanpa faedah dan tiada pembayaran tetap.

Peruntukan hutang ragu adalah bersih dari hutang lapuk yang dihapus kira seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Hutang lapuk dihapus kira	2,792	1,282	-	-

Termasuk dalam belum terima lain, deposit dan prabayar untuk Kumpulan adalah deposit sebanyak RM30 juta (2000 : RM30 juta) yang dibayar kepada vendor saham-saham Malpac Holdings Berhad (Malpac") menurut Perjanjian Jual Beli untuk saham-saham tersebut seperti yang dijelaskan dalam Nota 40 kepada Penyata Kewangan.

Termasuk dalam belum terima lain, deposit dan prabayar Kumpulan ialah satu deposit berjumlah RM21,800,000 (2000: RM SIFAR) yang dibayar kepada vendor saham-saham Unified Communications Sdn. Bhd. ("UCSB") dan Unified Communications Pte. Ltd. ("UCPL") menurut Perjanjian Jual Beli untuk saham-saham tersebut seperti yang dinyatakan dalam Nota 40 kepada Penyata Kewangan.

22. SEKURITI URUS NIAGA

	Kumpulan	
	2001 RM'000	2000 RM'000
Sekuriti disebut harga:-		
Saham di Malaysia	2,631	9,082
Sekuriti tidak disebut harga:-		
Sekuriti hutang persendirian di Malaysia	2,127	-
	4,758	9,082
Nilai pasaran saham disebut harga di Malaysia	2,631	9,082

23. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Bank berlesen	111,974	140,200	1,100	1,600
Institusi kewangan berlesen	280,694	355,335	-	-
Institusi kewangan lain	91,851	50,188	-	-
	<u>484,519</u>	<u>545,723</u>	<u>1,100</u>	<u>1,600</u>

